



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



KAJIAN
PROFIL MEMBACA
RAKYAT MALAYSIA 2022/2023
BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA 2022/2023



KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA 2022/2023



Perpustakaan Negara Malaysia

KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA 2022/2023

**Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2023**

Edisi Pertama (cetakan) : 2023

Hak Cipta©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur, Malaysia
03-2687 1700
03-2694 2490
Emel: webmaster@pnm.gov.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-931-376-5

KANDUNGAN

Kandungan	i
Prakata	iii
Jawatankuasa Induk	iv
Jawatankuasa Teknikal	vi
Senarai Carta	vii
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkatan	x

BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Penyataan Masalah	3
1.3. Objektif Kajian	6
1.4. Skop Kajian	6
1.5. Ulasan Literatur Dan Kajian Terdahulu	7
1.5.1. Tabiat membaca dan literasi	7
1.5.2. Profil membaca rakyat Malaysia	9
1.5.3. Program Galakkan Membaca	15
1.5.4. Trend semasa dan perubahan minat membaca masyarakat	15

BAB 2 METODOLOGI KAJIAN

2.1. Rekabentuk Kajian	17
2.2. Populasi Dan Sampel	18
2.2.1. Liputan	18
2.2.2. Rangka Persampelan	18
2.2.3. Reka Bentuk Persampelan	19
2.2.4. Saiz Sampel	19
2.2.5. Medium Pengaksesan Borang Soal Selidik	19
2.2.6. Responden	20
2.3. Kaedah Pengumpulan Data	21
2.3.1. Instrumen	21
2.3.2. Pembahagian Item Soal Selidik	21
2.4. Analisis Data	24
2.4.1. Interpretasi Pengukuran	24

BAB 3 DAPATAN KAJIAN

3.1. Profil Demografi	25
3.2. Profil Membaca Rakyat Malaysia	35
3.3. Tabiat Membaca Rakyat Malaysia	41
3.4. Penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan Dan Budaya Membaca	61
3.5. Profil Membaca Golongan OKU	77
3.6. Impak Program Galakan Membaca	86
3.7. Hubungan Antara Industri Perbukuan Dengan Minat Membaca	89
3.8. Isu-Isu, Masalah dan Korelasi di Antara Industri Perbukuan Dengan Minat Membaca Rakyat Malaysia	104
3.8.1. Isu-Isu dan Masalah Berkaitan Minat Membaca Rakyat Malaysia	104
3.8.2. Isu-isu dan masalah rakyat Malaysia tidak membeli bahan bacaan	106
3.8.3. Korelasi di Antara Industri Perbukuan Dengan Minat Membaca Rakyat Malaysia	107

BAB 4 RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

4.0 Rumusan Kajian	110
4.1 Jumlah Naskhah Dibaca Setahun	110
4.2 Cadangan Kajian	113
4.2.1. Cadangan Bagi Tindakan Jangka Pendek	113
4.2.2. Cadangan Bagi Tindakan Jangka Panjang	118

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

INDEKS

Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 telah dijalankan hasil usaha bersama Perpustakaan Negara Malaysia dengan Pasukan Perunding UiTM. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat terkini mengenai profil membaca rakyat Malaysia. Indikator ini amat penting untuk digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada pihak Kerajaan dalam merangka strategi yang sesuai sejajar dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030.

Kajian ini dapat memberikan data dan maklumat berkaitan tahap membaca rakyat Malaysia yang dilihat mengalami perubahan trend penggunaan bahan bacaan. Masyarakat telah terdedah dengan perkembangan teknologi terutama digitalisasi yang membawa ke arah revolusi industri 4.0. Perubahan ini dilihat masih bersandarkan kepada peningkatan pembacaan rakyat Malaysia yang meningkat kepada 24 buah buku setahun berbanding 2 buah buku pada tahun 2005.

Hasil kajian ini akan menjadi kayu pengukur keberkesanan Program Galakan Membaca yang dilaksanakan mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadikan rakyat Malaysia yang mengamalkan budaya ilmu. Kajian ini juga dapat membantu industri buku negara yang memerlukan satu transformasi khusus dalam menghasilkan karya-karya bermutu, berkualiti dan memenuhi keperluan rakyat Malaysia.

Akhir kata, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan penting kepada pihak berkepentingan dalam memperkukuh dan memupuk budaya membaca sebagai tunjang kepada pembentukan masyarakat berpengetahuan tinggi.

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia



Salasiah Binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

PENGERUSI

Puan Salasiah Binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

AJK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Encik Ali Bin Rashid Pengarah Perpustakaan Cawangan & Komuniti	Puan Anisatul-Wahidah Binti Abdul Wahid Pengarah Perpustakaan Digital Negara
Puan Aidatul Hasnida Binti Abdul Rani Pengarah Pembangunan Koleksi	Puan Suhaila Binti Abd. Rahman Pengarah Perkhidmatan Korporat
Encik Mohd. Azmi Bin Aziz Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat	Puan Katrun Nada Binti Haji Hashim Pengarah Pusat Rujukan dan Maklumat

WAKIL AGENSI LUAR

YM Ungku Noorakmal Binti Ungku Sulaiman Pengarah Wakil MPAM	Dr. Ghazali Bin Mohamed Fadzil Presiden Wakil PPM
Dr. Nor Saidatul Rajeah Binti Zamzam Amin Timbalan Pengarah Kanan Wakil KPM	Encik Mohd. Khair Bin Ngadiron Timbalan Pengarah Wakil MBKM
Puan Nor Asikin Binti Mohamad Ketua Pustakawan Wakil PERPUN	Encik Mohd. Rozan Bin Ab. Mutalib Ketua Pustakawan Wakil Perpustakaan IPTS
Puan Haslina Binti Abdul Seman @Talib Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Wakil Perpustakaan IPTA	Dr. Mayasari Binti Abdul Majid Pustakawan Kanan Wakil Perpustakaan Sekolah Swasta
Puan Izarini Binti Borhan Pustakawan Badan Berkanun/Swasta	Puan Rafida Binti Abdul Rahman Wakil Perpustakaan PBT

Puan Nor Azlina Binti Ab. Ghani	Dr. Norsharyna Binti Shafawi
Timbalan Pengarah	Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan	Bahagian Penyelidikan Perpustakaan

Puan Noor Syahierah Binti Mohamad Rohana
Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan

PENGERUSI

Encik Edy Irwan Bin Zulkafli
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

AJK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Encik Ali Bin Rashid Pengarah Perpustakaan Cawangan & Komuniti	Puan Aidatul Hasnida Binti Abdul Rani Pengarah Pembangunan Koleksi
--	--

Encik Mohd. Azmi Bin Aziz Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat	Puan Kasuma Dewi binti Said Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
--	--

Puan Siti Suzani Binti Mohamed Taib Timbalan Pengarah Kanan Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara	Encik Yazid Bin Ibrahim Timbalan Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
--	--

Encik Tamimi Bin Taib Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Elektronik	Puan Hasnida Binti Jakeria Timbalan Pengarah Bahagian Pinjaman
--	--

URUSETIA

Puan Nor Azlina Binti Ab. Ghani Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan Perpustakaan	Dr. Norsharyna Binti Shafawi Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
--	---

Puan Noor Syahierah Binti Mohamad Rohana
Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan

SENARAI CARTA

Carta 3.1	Maklum balas mengikut kawasan bandar dan luar bandar	27
Carta 3.2	Jantina	27
Carta 3.3	Status perkahwinan	29
Carta 3.4	Tahap pendidikan	31
Carta 3.5	Jenis Pekerjaan	32
Carta 3.6	Pendapatan bulanan	33
Carta 3.7	Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)	34
Carta 3.8	Amalan membaca masyarakat	35
Carta 3.9	Amalan membaca mengikut jantina	36
Carta 3.10	Amalan membaca mengikut kawasan	36
Carta 3.11	Amalan membaca mengikut kumpulan umur	37
Carta 3.12	Amalan membaca mengikut kategori pekerjaan	38
Carta 3.13	Amalan membaca mengikut kumpulan pendapatan	39
Carta 3.14	Amalan membaca mengikut negeri	40
Carta 3.15	Tujuan membaca	41
Carta 3.16	Faktor utama mempengaruhi tabiat membaca	42
Carta 3.17	Kekerapan membaca dalam tempoh setahun	43
Carta 3.18	Bilangan bahan bacaan yang dibaca dalam tempoh setahun	44
Carta 3.19	Bahan bacaan bercetak yang dibaca dalam tempoh setahun mengikut kawasan	45
Carta 3.20	Tempoh masa membaca dalam sehari	47
Carta 3.21	Kekerapan penggunaan peranti untuk membaca	51
Carta 3.22	Sebab utama membaca bahan bacaan elektronik/digital mengikut kawasan	52
Carta 3.23	Sebab utama membaca bahan bacaan elektronik/digital mengikut jenis pekerjaan	53
Carta 3.24	Bahasa pilihan bahan bacaan mengikut kawasan	55
Carta 3.25	Topik pilihan bahan bacaan mengikut kawasan	57
Carta 3.26	Genre bahan bacaan fiksi yang dibaca mengikut kawasan	58
Carta 3.27	Cara bahan bacaan diperolehi mengikut kawasan	60
Carta 3.28	Pernah mengunjungi perpustakaan	61
Carta 3.29	Tujuan Mengunjungi Perpustakaan	63
Carta 3.30	Faktor tidak pernah mengunjungi perpustakaan	65
Carta 3.31	Kekerapan mengunjungi perpustakaan	66
Carta 3.32	Penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam membantu minat membaca	71

Carta 3.33	Penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam meningkatkan kemahiran literasi maklumat	72
Carta 3.34	Tahap kemahiran literasi maklumat	73
Carta 3.35	Faedah menggunakan perpustakaan	75
Carta 3.36	Amalan membaca golongan OKU	77
Carta 3.37	Bilangan naskhah yang dibaca oleh golongan OKU	78
Carta 3.38	Bahasa pilihan utama bahan bacaan golongan OKU	80
Carta 3.39	Topik pilihan bahan bacaan golongan OKU	82
Carta 3.40	Genre bahan bacaan fiksyen yang dibaca golongan OKU	73
Carta 3.41	Penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam membantu minat membaca golongan OKU	84
Carta 3.42	Penyertaan dalam Program Galakan Membaca	86
Carta 3.43	Penyertaan Program galakan membaca mengikut kawasan	87
Carta 3.44	Penyertaan Program Galakan Membaca mengikut jenis pekerjaan	88
Carta 3.45	Adakah anda membeli bahan-bahan bacaan?	89
Carta 3.46	Jumlah bahan bacaan yang dibeli dalam tempoh setahun	92
Carta 3.47	Jenis bahan bacaan yang dibeli dalam tempoh setahun	93
Carta 3.48	Jumlah peruntukan pembelian bahan bacaan dalam tempoh setahun	94
Carta 3.49	Bahan bacaan terbitan Malaysia menepati keperluan masyarakat	94
Carta 3.50	Tempat membeli bahan bacaan	101
Carta 3.51	Pilihan tempat membaca	102

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Kajian-kajian berkaitan tabiat membaca yang dijalankan di luar negara	12
Jadual 2.1	Pembahagian item soal selidik	23
Jadual 2.2	Interpretasi pengukuran	24
Jadual 3.1	Maklum balas mengikut negeri	26
Jadual 3.2	Kumpulan umur	28
Jadual 3.3	Komposisi mengikut kaum	29
Jadual 3.4	Agama	30
Jadual 3.5	Tempoh membaca bahan bacaan bercetak dalam sehari mengikut umur	48
Jadual 3.6	Tempoh membaca bahan bacaan elektronik dalam sehari mengikut umur	50
Jadual 3.7	Jadual kekerapan membaca dan nilai min golongan OKU	79
Jadual 3.8	Jadual kekerapan membaca bahan bacaan bercetak golongan OKU	79
Jadual 3.9	Jadual kekerapan membaca bahan bacaan elektronik/digital golongan OKU	79
Jadual 3.10	Alasan tidak membeli bahan bacaan	90
Jadual 3.11	Ciri-ciri bahan bacaan yang menarik minat	95
Jadual 3.12	Pilihan tempat membaca mengikut kawasan	103
Jadual 3.13	Isu dan masalah berkaitan rakyat Malaysia tidak minat membaca	105
Jadual 3.14	Isu dan masalah berkaitan rakyat Malaysia tidak membeli bahan bacaan	106
Jadual 3.15	Korelasi antara pembelian bahan bacaan dengan minat membaca	107
Jadual 3.16	Hubungan antara industri perbukuan dengan minat membaca	108
Jadual 4.1	Jadual kekerapan dan nilai min	110
Jadual 4.2	Jadual kekerapan membaca dan bahan bacaan bercetak	111
Jadual 4.3	Jadual kekerapan membaca dan bahan bacaan elektronik/digital	111
Jadual 4.4	Rumusan/dapatan utama kajian	112

SENARAI SINGKATAN

DOPU	<i>Drop-off & Pick Up</i>
HSC	<i>Higher Secondary Certificate</i>
ICT	<i>Information Communication and Technology</i>
IMK	Indek Membaca Kebangsaan
IPT	Institut Pengajian Tinggi
LCE	<i>Lower Certificate of Education</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PIBG	Persatuan Ibu bapa dan Guru
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
PMR	Penilaian Menengah Rendah
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 19</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SRHI	<i>Self-Report Habit Index</i>
SRHI-R	<i>Self-Report Habit Index for Reading</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1. PENGENALAN

Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) - merupakan himpunan 17 matlamat global yang digarap oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat menjelang tahun 2030. Daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan yang digariskan, Matlamat Pembangunan Mampan-4 iaitu Pendidikan Berkualiti adalah matlamat yang menjadi agenda penting bagi kebanyakan negara. Pendidikan berkualiti merupakan teras utama untuk memperkasakan produktiviti masyarakat agar dapat memacu pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara. Menurut Jamiah Baba & Faiza Rostam Affendi (2020), pendidikan berkualiti dan keupayaan membaca merupakan dua pemboleh ubah yang saling bergantung di mana tabiat membaca dapat mempengaruhi pertumbuhan intelek dan emosi seseorang individu.

Tabiat membaca yang berkesan adalah apabila amalan membaca berlaku seiring dengan pemindahan ilmu pengetahuan tersebut kepada orang lain. Ianya bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan individu, malah dapat mewujudkan masyarakat bermaklumat seterusnya mampu memartabatkan tamadun sesebuah negara. Justeru, banyak kajian berkaitan tabiat membaca telah dijalankan oleh penyelidik di pelbagai peringkat samada di dalam mahupun luar negara. Antara kajian dalam negara termasuklah oleh Mohd Zainuddin Hashim (1982), Atan, et. al. (1984), Frank Small and Associates (1996), Pandian (1997), Nazri (2003), Siti Aishah (2003), Tiew (2010), Anamalai & Muniandy (2013) membawa kepada kajian Rahyu Imrani (2020) serta Jamiah Baba & Faiza Rostam Affendi (2020).

Dekad Membaca Kebangsaan 2030 diperkenalkan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030. Justeru, sepanjang 10 tahun iaitu dari 2021 sehingga 2030, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyusun pelbagai strategi yang mampan bagi merealisasikan

Dekad Membaca Kebangsaan 2030. Agenda Dekad Membaca Kebangsaan 2030 memberi tumpuan kepada pembacaan untuk pengetahuan dan membudayakan amalan membaca dengan tujuan membentuk masyarakat berilmu yang bertaraf dunia. Pelaksanaan Dekad Membaca Kebangsaan 2030 berteraskan kepada enam program utama iaitu kepelbagaian program membaca, pembangunan prasarana dan aktiviti membaca, pesta buku sebagai destinasi perbukuan masyarakat, pembangunan pembacaan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak, capaian kepada buku digital atau e-buku serta pendidikan sepanjang hayat.

Memainkan peranan sama penting, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa komited dalam mendokong Dasar Galakan Membaca PNM dengan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai Program Galakan Membaca dirancang dan dilaksanakan secara berterusan bagi mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu. Dalam tahun 2005, PNM dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan kajian profil membaca pada skala yang besar. Antara penemuan yang diperolehi menunjukkan amalan membaca rakyat Malaysia masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Kajian ini menunjukkan tahap celik huruf telah menurun sedikit kepada 92% berbanding 93% pada tahun 1996. Sebahagian daripada responden juga didapati membaca kurang daripada tujuh (7) muka surat dalam sehari. Sementara itu pada tahun 2005, kajian yang sama telah dilakukan dengan dapatan kajian menunjukkan kadar boleh membaca sekitar 90%. Pada tahun 2014 pula, kajian interim yang dijalankan oleh PNM menunjukkan kenaikan peratusan kadar boleh baca kepada 95% dan jumlah buku yang dibaca daripada dua (2) naskhah kepada lima belas naskhah setahun.

Dalam merealisasikan Dasar Galakan Membaca, PNM juga mendokong konsep pembelajaran sepanjang hayat ke arah mencapai status negara maju dan masyarakat berilmu melalui gerakan Literasi Maklumat. Program Literasi Maklumat telah dilaksanakan secara menyeluruh bukan sahaja di PNM malah di peringkat perpustakaan awam, akademik, dan juga sekolah-sekolah

dalam usaha meningkatkan kemahiran literasi maklumat masyarakat. Matlamat utama PNM dalam meneraju usaha ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan membimbing kumpulan sasar agar menjadi masyarakat yang tahu akan pentingnya menguasai kemahiran literasi maklumat.

Dengan perkembangan semasa seperti Era Revolusi Industri 4.0 (*Industrial Revolution 4.0*), Pendidikan 5.0 (*Education 5.0*) dan Masyarakat 5.0 (*Society 5.0*), amalan pekerjaan, pembelajaran dan gaya hidup masyarakat juga telah berubah. Oleh yang demikian adalah sangat bertepatan kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 ini dijalankan di mana ia melibatkan skop yang lebih luas bagi menghasilkan trend profil membaca rakyat Malaysia yang lebih komprehensif dan inklusif selaras dengan perkembangan semasa.

1.2. PENYATAAN MASALAH

Kajian ini dilaksanakan bersandarkan kepada tiga (3) permasalahan utama yang telah dikenal pasti seperti berikut.

1.2.1. Kekurangan/Ketiadaan Data Kajian Terkini Yang Komprehensif Mengenai Tabiat Membaca Rakyat Malaysia.

Sehingga kini, tiada kajian empirikal yang menyeluruh untuk mengukur tabiat membaca rakyat Malaysia yang dilaksanakan selain daripada Kajian Profil membaca Rakyat Malaysia 1996, Kajian Profil membaca Rakyat Malaysia 2005 dan Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014. Dalam masa yang sama, sering kali data mengenai kadar pembacaan dan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Ketiadaan kajian terkini mengenai budaya membaca rakyat Malaysia menyebabkan data yang dirujuk kurang relevan untuk digunakan. Justeru, kajian empirikal yang dijalankan ini pastinya akan menjadi rujukan dan asas yang kukuh dalam merangka dan melaksanakan program-program literasi dan gerakan membaca yang komprehensif bertepatan dengan agenda Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030.

1.2.2. Evolusi Teknologi Dan Kesannya Kepada Trend Membaca Masyarakat.

Teknologi merupakan tonggak kepada pelbagai bentuk transformasi khususnya transformasi digital. Pelbagai transformasi progresif seperti Revolusi Industri 4.0, Pendidikan 5.0 dan Masyarakat 5.0 yang diterima pakai di seluruh dunia amat bergantung kepada elemen teknologi. Masyarakat hari ini berhadapan dengan arus perkembangan teknologi yang sangat dinamik. Penerbitan maklumat dan bahan bacaan bukan lagi tertumpu kepada bahan bercetak malah banyak maklumat atau kandungan yang dihasilkan secara digital. Skop amalan membaca tidak boleh lagi diukur dengan jumlah naskhah buku yang dibaca semata-mata memandangkan terdapat banyak kandungan digital yang lebih gemar diakses sebagai bahan bacaan khususnya bagi sesetengah kelompok masyarakat.

Ketika masyarakat seluruh dunia berhadapan dengan pandemik *Coronavirus Disease 19* (COVID-19), kebergantungan masyarakat terhadap teknologi telah terbukti. Proses keterangkuman digital (*digital inclusive*) sewaktu tempoh pandemik COVID-19 telah berlaku dengan lebih pantas. Masyarakat tiada pilihan selain untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti secara digital. Antara aktiviti digital yang menjadi perdebatan hangat pelbagai pihak adalah proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian oleh Cruz, et. al. (2022), mendapati keberkesanan antara intervensi kelancaran membaca secara '*remote*' dikira sebagai alternatif yang mencukupi bagi menggantikan intervensi kelancaran membaca secara bersemuka. Bagi mempertingkatkan tahap literasi ini, pelbagai usaha telah dijalankan termasuk penganjuran Program Galakan Membaca melalui pelbagai agensi di pelbagai peringkat. Walau bagaimanapun, usaha ini masih mempunyai ruang untuk

ditambah baik. Ini kerana ia akan melibatkan pelbagai kekangan yang kompleks memandangkan kepelbagaian profil masyarakat Malaysia. Apatah lagi kadar boleh membaca masyarakat Malaysia berbeza mengikut struktur demografi yang meliputi umur, jantina, bangsa, tahap pendidikan dan tempat tinggal (PNM, 2005).

1.2.3. Kepelbagaian Data Profil Membaca Rakyat Malaysia Daripada Pelbagai Kajian Memberi Cabaran Besar Terhadap Pelaksanaan Program Intervensi.

Negara memerlukan suatu kajian empirikal yang komprehensif dan terkini untuk dijadikan sebagai rujukan bagi merangka dan melaksanakan Program Galakan Membaca. Strategi yang tepat perlu dilaksanakan seiring dengan landskap demografi dan bersesuaian dengan profil masyarakat terhadap minat membaca. Walaupun rakyat Malaysia meletakkan nilai yang tinggiterhadap buku dan pembacaan, mereka sebaliknya lebih gemar menonton media elektronik (PNM, 2005).

Usaha-usaha untuk mempertingkatkan kesedaran rakyat perlu dipergiatkan lagi memandangkan inisiatif yang dijalankan masih belum mampu mendatangkan kesedaran yang menyeluruh dalam kalangan rakyat Malaysia. Dilaporkan bahawa kempen membaca kurang memberikan kesan terhadap penyemaian tabiat membaca kebanyakan rakyat Malaysia (Ahmad, Hussein dan Zulkifli (2007). Manakala kajian yang dijalankan oleh Mad Khir Johari dan Noor Zaidi (2009) di negeri Selangor mendapati ramai mengetahui kewujudan kempen membaca tetapi sikap masyarakat terhadap minat membaca masih rendah. Oleh yang demikian kajian ini amat bertepatan sebagai asas kepada intervensi program membaca yang bersesuaian.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

- 1.3.1. Mewujudkan satu profil membaca rakyat Malaysia yang terkini;
- 1.3.2. Mengenal pasti tabiat membaca rakyat Malaysia mengikut lokasi, jenis bahan bacaan, bahasa bahan bacaan, kumpulan umur, jantina dan kekerapan membaca;
- 1.3.3. Mengenal pasti perubahan minat dan trend membaca terkini rakyat Malaysia terhadap pelbagai sumber bahan bacaan dan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan;
- 1.3.4. Mengkaji impak Program Galakan Membaca dalam mempengaruhi minat membaca rakyat Malaysia; dan
- 1.3.5. Mengenal pasti isu-isu, masalah dan korelasi di antara industri perbukuan dengan minat membaca rakyat Malaysia.

1.4. SKOP KAJIAN

Kajian ini meliputi semua kawasan bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia. Kajian ini menyasarkan responden seramai 100,000 orang dan melibatkan penduduk Malaysia yang berumur 5 tahun dan ke atas daripada pelbagai latar belakang demografi. Kajian ini juga mengambil kira trend semasa pembacaan masyarakat Malaysia yang meliputi kedua-dua medium iaitu bercetak dan elektronik/digital. Pelaksanaan kajian ini adalah dalam tempoh 12 bulan bermula dari September 2022 hingga September 2023 dengan melibatkan dua (2) fasa pengumpulan data. Fasa pertama dilaksanakan pada bulan November hingga Disember 2022 bagi menjalankan ujian rintis dan kajian interim. Manakala pengumpulan data bagi fasa kedua yang melibatkan pengumpulan data secara atas talian dan fizikal telah dimulakan pada Januari 2023 dan berakhir pada Jun 2023. Secara keseluruhan kajian ini berjaya mengumpul sebanyak 100,848 maklum balas iaitu melebihi 0.84% daripada kutipan data yang disasarkan.

1.5. ULASAN LITERATUR DAN KAJIAN TERDAHULU

1.5.1. Tabiat Membaca Dan Literasi

Membaca memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia membuka pintu khazanah pengetahuan yang amat luas. Amalan membaca sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran amat berkait rapat dalam menentukan kejayaan sesebuah masyarakat. Keduanya, membaca merupakan elemen penting dalam perkembangan dan pertumbuhan akal serta sahsiah kehidupan manusia. Membaca merupakan teras utama kepada proses pembelajaran sepanjang hayat yang dianjurkan dalam agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (UNESCO, 2021) dengan memberi penekanan kepada belia dan orang dewasa. Menurut Fulks (2010), membaca merupakan kunci utama kejayaan seseorang dalam menguasai kemahiran asas kehidupan mereka.

Matlamat Pembangunan Mampan-4 iaitu Pendidikan Berkualiti meletakkan matlamat untuk memastikan pendidikan inklusif dan berkualiti untuk semua dengan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Ini adalah kerana pendidikan membolehkan mobiliti sosio-ekonomi ke peringkat lebih tinggi berlaku dan merupakan kunci untuk melepaskan diri daripada kemiskinan. Ia juga akan membantu memupuk toleransi dan keamanan dalam masyarakat (UNESCO, 2015).

Bagi mencapai pendidikan berkualiti sama ada secara formal mahupun tidak formal, asas utamanya adalah melalui pembacaan. Walau bagaimanapun, hakikatnya menurut statistik *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada tahun 2018 menyatakan bahawa sejumlah 773 juta orang dewasadi mana dua pertiga daripadanya adalah wanita; masih kekal tidak boleh membaca dan menulis. Manakala statistik 2021 yang dikeluarkan oleh UNESCO melaporkan seramai 103 juta belia di seluruh dunia masih tidak mempunyai kemahiran literasi asas, dan lebih 60% daripada mereka adalah wanita. Dilaporkan juga, enam (6) daripada 10 kanak-kanak dan remaja seluruh dunia tidak mencapai tahap penguasaan minimum dalam kemahiran membaca dan kemahiran matematik.

Amalan membaca merupakan proses intelektual sepanjang hayat yang menyediakan manusia untuk berjaya dalam semua aspek kehidupan (Balan, et al., 2019). Bagi menghadapi abad ke-21, proses pembelajaran sepanjang hayat perlu didokong oleh perubahan sosial dan teknologi yang seiring dengan trend semasa. Dalam konteks ini, membaca merupakan sumber utama pembelajaran berterusan di mana ia memerlukan kepelbagaian medium dan sumber yang mampu menyalurkan bahan maklumat sebagai input kepada pengetahuan dan kemahiran seseorang (Chettri & Rout, 2013).

Menurut Kamus Oxford, istilah '*habit*' atau tabiat adalah sesuatu yang selalu dibuat malah dibuat tanpa perlu berfikir secara mendalam. Manakala menurut Nilsen (2012) '*habit*' adalah tingkah laku berulang yang terjadi melalui tindakan automatik tanpa melibatkan pemikiran yang bertujuan maupun kesedaran. Menjelaskan definisi ini, Mustika (2017) menyatakan bahawa '*habit*' merupakan aktiviti berulang yang berlaku secara automatik tanpa perlu banyak berfikir.

Tabiat membaca mempunyai definisi yang pelbagai berdasarkan kepada takrifan dan konteks kajian yang dilakukan. Parlette (2010) mendefinisikan tabiat membaca sebagai suatu cara untuk seseorang itu mengatur pembacaannya dan tabiat tersebut diperoleh seawal umur tujuh (7) tahun. Parlette (2010) menambah tabiat membaca dikuasai melalui proses pembelajaran secara berperingkat bermula daripada huruf, perkataan, ayat, perenggan dan teks yang lengkap. Manakala menurut Knoester (2010), untuk menjadikan sebagai suatu kebiasaan/tabiat, maka amalan membaca mestilah digalakan. Ini bermaksud amalan membaca perlu seiring dengan perkembangan kanak-kanak dan pertumbuhan peribadi, malah membentuk imaginasi, dan memainkan peranan penting yang membolehkan individu mengawal bahasa serta memainkan peranan dalam masyarakat (Knoester, 2010).

Kepelbagaian konteks terhadap definisi tabiat membaca, menjadikan tiada kesepakatan kepada indikator terbaik bagi mengukur perilaku tersebut. Sebagai contoh Chen (2006) mengukur menggunakan item-item seperti kekerapan membaca, jumlah membaca dan kandungan

pembacaan. Walau bagaimanapun menurut Schmidt & Retelsdorf (2016), kebanyakan kajian lebih menekankan kepada pengukuran '*behavioral frequency*' atau kekerapan tingkah laku sahaja. Oleh yang demikian, bagi mengukur konsep tingkah laku yang lebih luas, '*Self-Report Habit Index*' (SRHI) yang diperkenalkan oleh Verplanken & Orbell (2003) telah digunakan di dalam kajian ini. Schmidt & Retelsdorf (2016) menganjurkan penggunaannya kepada '*Self-Report Habit Index for Reading*' (SRHI-R). SRHI-R menggunakan tiga (3) petunjuk iaitu ukuran ekonomi, menilai sifat psikometriknya serta mengukur '*incremental validity*' melebihi daripada ukuran kekerapan membaca.

1.5.2. Profil Membaca Rakyat Malaysia

Berdasarkan kajian terdahulu, terdapat perkaitan di antara profil demografi dengan tabiat membaca. De Leo & Krysinska (2017) menghuraikan faktor demografi merangkumi faktor jantina, umur, bangsa, dan etnik. Manakala Miletic & Barnett (1972) menghuraikan faktor-faktor seperti umur, pendapatan keluarga, pekerjaan ketua isi rumah, kaum, kawasan, jantina, saiz bandar, pendidikan dan agama sebagai faktor demografi. Justeru, faktor-faktor ini sering dikaji sama ada ianya juga turut mempengaruhi tabiat membaca masyarakat Malaysia agar satu profil membaca yang inklusif terhasil. Laporan UNESCO (2021) menyebut bahawa, secara global, sekurang-kurangnya 773 juta belia dan orang dewasa masih tidak boleh membaca dan menulis. Manakala 250 juta kanak-kanak pula gagal memperoleh kemahiran literasi asas. Ini mengakibatkan belia dan orang dewasa yang mempunyai tahap literasi dan kemahiran yang rendah tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dalam komuniti dan masyarakat mereka.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas berkaitan tabiat membaca di Malaysia skop kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada murid sekolah dan pelajar universiti berbanding dengan skop kajian yang dijalankan oleh PNM. Dua (2) kajian terkini berkaitan Profil Membaca Rakyat Malaysia yang dijalankan oleh PNM adalah kajian yang dilaksanakan pada tahun 2005 dan 2014. Secara umumnya hasil kajian 2005 mendapati rakyat Malaysia hanya membaca dua (2) naskhah

buku setahun dan angka tersebut meningkat dengan hasil kajian interim 2014 di mana dapatan menunjukkan rakyat Malaysia membaca sebanyak 15 naskhah setahun yang dikira masih rendah berbanding negara maju. Walau bagaimanapun kajian interim ini telah menghasilkan dapatan yang menarik di mana 95% responden mengatakan minat kepada amalan membaca adalah bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan. Berdasarkan beberapa kajian lain, faktor individu masih menjadi pendorong utama terhadap minat membaca (48.6%), manakala majalah dan surat khabar merupakan jenis bahan yang tertinggi dibaca (melebihi 60%). Kajian ini juga mendapati taburan tertinggi bilangan buku yang dibaca dalam tempoh setahun adalah 1 – 12 naskhah yang mencatatkan 71.1%.

Manakala kajian yang melibatkan murid sekolah yang dijalankan oleh Tiew (2010) di empat (4) buah sekolah menengah kebangsaan di Gombak, Selangor mendapati, 97.1% murid berpendapat membaca merupakan aktiviti yang penting dan berfaedah. Kajian tersebut juga mendapati antara pendorong utama yang menggalakkan murid untuk membaca ialah murid itu sendiri dengan peratusan sebanyak 52.2%. Manakala 57.97% murid bersetuju bahawa Program Nilam iaitu program membaca yang dikendalikan oleh pihak sekolah, telah berjaya memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid. Trend yang sama juga turut diperolehi daripada kajian tabiat membaca terkini yang dijalankan oleh Rahyu Imrani (2020) tentang program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) di sekolah menengah di Perak. Tetapi kajian tersebut mendapati murid sekolah menengah berada pada tahap kurang minat terhadap amalan membaca. Malah mereka lebih gemar melayari internet pada waktu lapang (33.3%), memperuntukkan masa 1-2 jam sehari untuk membaca (57.9%) manakala buku cerita dan novel merupakan bahan bacaan yang paling digemari (44.7%). Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan tujuan murid membaca adalah untuk mendapatkan maklumat (41.5%). Sebagaimana hasil dapatan oleh Tiew (2010), kajian ini juga mendapati faktor yang mendorong kepada amalan membaca murid adalah diri sendiri (56%).

Di peringkat antarabangsa, banyak kajian-kajian berkaitan tabiat membaca turut dijalankan dipelbagai negara. Sebagaimana di

Malaysia, kebanyakan kajian masih tertumpu kepada murid sekolah dan institusi pengajian tinggi. Jadual 1.1 adalah ringkasan kajian-kajian berkaitan tabiat membaca yang dijalankan di luar negara

No.	Sumber	Negara Kajian Dijalankan	Objektif Kajian	Metodologi Kajian	Hasil Dapatan
1.	Ho, T. (2016). <i>Reading attitudes and reading habits of Vietnamese undergraduate students</i>. Disertasi PHD, Flinders University, School of Education.	Vietnam	Mengkaji secara menyeluruh tentang tabiat membaca pelajar pendidikan tinggi di Vietnam	Pendekatan Gabungan/ <i>mixed-method approach</i>	- sikap terhadap amalan membaca menjelaskan berapa banyak masa membaca yang diperuntukkan oleh pelajar untuk pendidikan mereka. - membaca mempunyai kesan langsung ke atas kejayaan akademik pelajar. Didapati bahawa pelajar yang membaca secara akademik, memperoleh prestasi akademik yang lebih baik. - tabiat membaca pelajar bukan sahaja dipengaruhi oleh sifat mereka sendiri, tetapi juga dipengaruhi oleh bagaimana sesebuah institusi (universiti) diurus dan apa yang dilakukan untuk pelajar.
2.	Balan, S., Katenga, J. E., & Simon, A. (2019). Reading habits and their influence on academic achievement among students at Asia Pacific International University. Abstract Proceedings International Scholars Conference (Vol. 7, No. 1, pp. 1490- 1516).	Thailand	Mengkaji bagaimana tabiat membaca pelajar universiti mempengaruhi prestasi akademik mereka. Kajian ini juga meneliti perkaitan antara tabiat membaca dengan kejayaan akademik pelajar	Kaedah Kuantitatif	Penemuan kajian menilai hubungan antara tabiat membaca dan kejayaan akademik di mana: - terdapatnya kaitan antara tujuan membaca dengan pencapaian akademik pelajar. - sikap terhadap amalan membaca, bahan bacaan yang dibaca, kekerapan membaca, dan masa membaca tidak menjejaskan prestasi akademik. - faktor lain seperti gaya pembelajaran pelajar, persekitaran rumah, dan tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik,

Jadual 1.1 : Kajian-kajian berkaitan tabiat membaca yang telah dijalankan di luar negara

No.	Sumber	Negara Kajian Dijalankan	Objektif Kajian	Metodologi Kajian	Hasil Dapatan
3.	World Vision International (2016). "Reading Environments and habits of Students in Grades 4 to 6." Survey Report. Phnom Penh: Cambodia	Cambodia	Mengkaji ketersediaan sumber bacaan dan sokongan untuk murid semasa di sekolah. Mengkaji keadaan perpustakaan sekolah rendah berbanding dengan piawaian yang ditetapkan di peringkat kebangsaan.	Kaedah Kuantitatif	• Tabiat baik membaca sesebuah keluarga (seperti membacakan cerita kepada kanak-kanak, menggalakkan mereka membaca dan membantu membuat kerja rumah) boleh mempengaruhi keseronokan membaca dan kekerapan membaca kanak-kanak. • Membaca kepada kanak-kanak pada usia muda dan menggalakkan mereka membaca lebih awal meningkatkan kekerapan dan keseronokan membaca. • Penemuan ini menganjurkan bahawa untuk meningkatkan tabiat membaca sesebuah keluarga, mereka harus terlibat dalam program literasi. Ibu bapa dan penjaga mesti memahami kepentingan membacakan dan mewujudkan persekitaran yang mesra membaca untuk anak-anak
4.	Boakye, N. (2017). "Exploring Students' Reading Profiles to Guide a Reading Intervention Programme." English Language Teaching 10: 158.	Afrika Selatan	Mengkaji tabiat membaca pelajar sosiologi tahun satu (1) Menentukan faktor yang mempengaruhi keupayaan membaca mereka. Mengkaji kesan program intervensi membaca berdasarkan cabaran membaca pelajar	Kaedah Kuantitatif	• Keberkesanan sendiri, tabiat, strategi, dan sikap membaca pelajar adalah rendah. • Cabaran membaca pelajar termasuk pemahaman, perbendaharaan kata, bahasa, bilangan dan panjang teks serta isu afektif seperti kebosanan, tidak berminat dan kurang fokus. Program intervensi akan merangkumi strategi membaca seperti <i>role-play</i>, meringkaskan, arahan strategi eksplisit, pembacaan meluas dan penterjemahan bahasa.

No.	Sumber	Negara Kajian Dijalankan	Objektif Kajian	Metodologi Kajian	Hasil Dapatan
5.	Gleed, A. (2013). <i>Booktrust Reading Habits Survey 2013: A national survey of reading habits and attitudes to books amongst adults in England</i> . DJS Research.	England	Mengkaji tabiat membaca dan sikap orang dewasa di England Mengkaji hubungan antara tabiat membaca, sikap membaca dan faktor demografi seperti sosio-ekonomi, umur dan jantina	Kaedah Kuantitatif	• 76% mengatakan membaca meningkatkan kehidupan mereka, dan mendakwa ia membantu membuat mereka rasa lebih baik. • 28% orang dewasa membaca buku fizikal setiap hari, dengan 22% lagi membacanya sekurang-kurangnya setiap minggu. • 76% lebih suka membaca buku fizikal, hanya 10% lebih suka membaca e-buku. • Hampir separuh (49%) gemar membaca buku. 23% sangat gemar membaca buku. • Lebih separuh memiliki lebih daripada 50 naskhah buku • Segelintir orang dewasa di England mempunyai sikap negatif terhadap membaca: • 18% tidak pernah membaca buku fizikal, dan 71% tidak pernah membaca e-buku. • 20% tidak pernah membeli buku fizikal sama sekali (di kedai atau dalam talian). • 36% sering memulakan membaca buku tetapi bosan dan 35% tidak dapat mencari masa untuk membaca. • 56% berpendapat bahawa Internet dan komputer akan menggantikan buku dalam 20 tahun akan datang, pandangan sebegini meningkat kepada 64% dalam kalangan mereka yang berumur 8 hingga 30 tahun. • 27% lebih menyukai Internet dan media sosial berbanding membaca buku, meningkat kepada 56% dalam kalangan umur 18-30 tahun. • 45% lebih menyukai televisyen dan DVD daripada membaca.

1.5.3. Program Galakan Membaca

Pembudayaan amalan membaca telah bermula sejak 1995 dengan pelancaran Kempen Membaca sewaktu sambutan Bulan Membaca Kebangsaan yang diadakan sepanjang bulan Ogos dengan slogan 'Mari Membaca Bersama'. Pelbagai aktiviti dilaksanakan sehingga kempen tersebut kemudiannya diubah ke bulan Julai bermula tahun 2001 hingga tahun 2005. Kempen Membaca terus diperkasa dengan menjadikannya sebagai agenda tahunan bermula tahun 2006. Antara lain ia bertujuan melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat melalui budaya membaca. Ekoran itu, slogan Kempen Membaca 'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya' mula diperkenal dan digunakan secara meluas di seluruh negara sehingga ke hari ini.

Selaras dengan pelaksanaan Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 melalui slogan #MalaysiaMembaca, PNM giat meneruskan pelbagai program gerakan membaca di seluruh negara meliputi pelbagai kumpulan sasaran yang lebih luas merangkumi segmen komuniti dan institusi keluarga, bayi dan prasekolah, sekolah rendah dan menengah, belia, penjawat awam, golongan berkeperluan khas serta industri perbukuan. Setiap kumpulan sasaran ini mempunyai program-program gerakan membaca sepanjang tahun dengan skop yang bersesuaian dengan tujuan menggalakkan budaya membaca.

1.5.4. Trend Semasa Dan Perubahan Minat Membaca Masyarakat

Konsep Industri 4.0, Pendidikan 5.0 dan Masyarakat 5.0 merupakan antara konsep yang diterima pakai di seluruh dunia. Perkembangan model dan konsep ini mendorong kerajaan Malaysia meletakkan agenda Dekad Membaca Kebangsaan sebagai salah satu agenda utama. Masyarakat hari ini berhadapan dengan arus perkembangan teknologi yang sangat dinamik. Penerbitan maklumat dan bahan bacaan bukan lagi tertumpu kepada bahan bercetak malah banyak maklumat atau kandungan dihasilkan secara digital. Skop amalan membaca tidak boleh lagi diukur dengan jumlah naskhah buku yang dibaca sahaja memandangkan terdapat banyak kandungan digital yang lebih gemar diakses sebagai bahan bacaan khususnya oleh

golongan remaja dan belia. Senario yang berlaku ketika pandemik COVID-19 juga menjadikan kebergantungan manusia kepada teknologi semakin tinggi.

Perkembangan ini juga telah mendorong banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan bacaan elektronik/digital. Antaranya adalah perbandingan tabiat membaca bahan bercetak dan bahan elektronik/digital, kesan e-buku terhadap motivasi pembacaan serta tabiat pembacaan elektronik/digital itu sendiri. Perkembangan e-buku dan pembacaan elektronik/digital juga membawa peralihan yang signifikan terhadap konsep pengajaran dan pembelajaran. Kajian berkaitan dengan pembacaan elektronik/digital dan perantinya iaitu, *e-book reader* juga dijalankan dari semasa ke semasa. Antara *e-book readers* yang sering digunakan adalah Amazon Kindle, Kobo Touch, Barnes & Noble Nook dan Sony PRS-600. Peranti *e-book reader* sering dikaji dan dinilai agar fungsinya memudahkan pengguna seperti menghidupkan peranti, navigasi kepada dokumen, membuka dokumen, pembesaran *font*, navigasi spesifik (kepada seksyen tertentu), dan kebolehbacaan pada skrin (Rampaul & Gedeon, n.d.).

Kajian terdahulu mendapati terdapat murid yang membaca bahan bacaan bercetak mampu memahami dan mengekalkan penguasaan teks bacaan berbanding dengan murid yang membaca bahan elektronik/digital (Ahmad & et. al., 2015). Perkara ini disebabkan oleh faktor tumpuan, minat serta tahap keselesaan murid terhadap bacaan bercetak. Kajian *National Literacy Trust* pula mendapati penggunaan teknologi seawal umur kanak-kanak menunjukkan penggunaan kedua-dua bahan bercetak dan elektronik/digital telah memberikan pengalaman pembacaan yang menyeronokkan berbanding dengan membaca bahan bercetak sahaja (Picton, 2014).

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN

METODOLOGI KAJIAN

2.1. REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan (*survey research*) telah digunakan dalam kajian ini. Reka bentuk ini digunakan kerana didapati paling sesuai untuk mendapatkan data daripada sampel dalam jumlah populasi yang besar. Kajian ini dilaksanakan melalui tiga (3) pendekatan yang bersesuaian dengan norma baharu masyarakat iaitu :

2.2.1. *e-Probaca*

Responden boleh mengisi soal selidik secara dalam talian melalui web kajian profil membaca atau melalui *e-Probaca*.

2.2.2. *Drop-off & Pick Up* (DOPU)

Penyelidik meninggalkan borang soal selidik (*drop off*) di lokasi yang telah dikenal pasti seperti pusat komuniti, perpustakaan desa, perpustakaan akademik dan sekolah. Penyelia lapangan akan mengambil semula borang soal selidik (*pick up*) yang telah diisi oleh responden mengikut masa yang telah ditetapkan.

2.2.3. Program promosi

Penyelidik menyertai program dan aktiviti yang menjadi tumpuan orang ramai. Kaunter penerangan, poster dan gegantung mengenai Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 telah digunakan sebagai bahan promosi. Kaedah ini memerlukan enumerator mendekati responden bagi menarik minat mereka untuk menyertai kajian. Contohnya adalah penyertaan di dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023, Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2023, program-program yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta program di sekolah-sekolah terpilih.

2.2. POPULASI DAN SAMPEL

Kajian ini dilaksanakan secara saintifik dengan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan jumlah populasi penduduk Malaysia tahun 2022 iaitu seramai 32.7 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Bagi memastikan sampel kajian yang dipilih dapat mewakili seluruh populasi, formula pengiraan saiz sampel Raosoft (2022) telah digunakan. Skop kajian melibatkan seluruh rakyat Malaysia yang dipilih secara rawak mudah berdasarkan

2.2.1. Liputan

Kajian ini meliputi semua kawasan bandar dan luar bandar di setiap negeri di Malaysia. Hanya penduduk warganegara Malaysia yang tinggal tetap di kediaman persendirian akan diambil kira sebagai responden dalam kajian ini. Walau bagaimanapun pemilihan sampel juga meliputi kawasan-kawasan seperti tempat-tempat awam, pejabat-pejabat kerajaan, institusi pendidikan, sekolah dan lain-lain lokasi yang berkaitan. Manakala *e-Probaca* dilakukan melalui medium seperti media sosial, e-mail, portal dan laman sesawang.

2.2.2. Rangka Persampelan

Rangka persampelan yang digunakan adalah berdasarkan kepada data yang dibekalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2022. Rangka persampelan terdiri daripada blok penghitungan di mana dari sudut geografi ia merupakan kawasan bersebelahan yang dibentuk dengan sempadan yang jelas dan dikenal pasti. Setiap blok penghitungan mempunyai antara 80-120 tempat kediaman yang mengandungi anggaran penduduk antara 300-500 orang. Umumnya, keseluruhan blok penghitungan yang dibentuk adalah berdasarkan lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu di dalam mukim atau kawasan majlis tempatan. Terdapat juga keadaan di mana, lokasi yang dipilih adalah kawasan-kawasan yang boleh menyediakan

responden dengan mudah seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi. Bagi tujuan analisis kajian, rangka persampelan dibahagikan kepada kawasan bandar (stratametropolitan dan bandar besar) dan luar bandar (strata bandar kecil dan luar bandar).

2.2.3. Reka Bentuk Persampelan

Kajian ini menggunakan reka bentuk persampelan rawak berstrata dua peringkat. Sampel dipilih secara berasingan bagi setiap strata bandar dan luar bandar. Unit persampelan peringkat pertama ialah blok penghitungan. Sementara unit persampelan kedua ialah tempat kediaman di dalam setiap blok penghitungan yang terpilih. Kaedah persampelan yang digunakan untuk memilih blok penghitungan ialah *proportionate probability to size* telah digunakan untuk memilih tempat kediaman.

2.2.4. Saiz Sampel

Kajian ini menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2022 bagi membuat anggaran saiz sampel bagi setiap strata bandar dan luar bandar. Bagi saiz sampel yang telah ditetapkan, kajian ini memerlukan seramai 100,000 orang responden di mana 36.6% (n=36,911) adalah responden yang menjawab borang soal selidik secara bersemuka. Manakala 66.1% (n=63,937) responden menjawab soal selidik secara dalam talian menggunakan aplikasi *e-Probaca*.

2.2.5. Medium Pengaksesan Borang Soal Selidik

Borang soal selidik dalam talian iaitu *e-Probaca* telah disediakan bagi memudahkan responden memberi maklum balas pada kapasiti yang maksimum, cepat dan telus. Antara medium pengaksesan soal selidik dalam talian yang digunakan adalah seperti berikut:

- Aplikasi borang soal selidik
- Telefon bimbit dan peranti mobil
- Media sosial, e-mel, dan laman sesawang

2.2.6. Responden

Walaupun responden yang diperlukan dalam kajian ini adalah seramai 100,000 (0.30%), kajian ini telah berjaya mengumpul sejumlah 100,848 responden ekoran daripada penggunaan *e-Probaca*. Liputan responden kajian ini merangkumi :

- Individu berumur 5 tahun ke atas
- Kawasan bandar dan luar bandar
- Semua negeri dan wilayah
- Semua bangsa dan agama
- Semua jenis pekerjaan
- Responden bersemuka dan dalam talian

Pengumpulan data dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur perlu mematuhi etika penyelidikan. Untuk murid sekolah, permohonan untuk pengumpulan data di sekolah-sekolah terpilih telah dibuat melalui Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini juga telah mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti sebelum membuat pengumpulan data. Enumerator kajian juga telah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada guru-guru untuk menjadi proksi dalam proses kutipan data. Seramai 7,387 orang murid daripada sekolah rendah telah terlibat dalam kajian ini manakala 8,487 orang pula merupakan murid sekolah menengah.

2.3. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

2.3.1. Instrumen

Borang soal selidik merupakan instrumen yang diguna pakai bagi tujuan pengukuran objektif kajian. Dua (2) pendekatan borang soal selidik dibangunkan bagi tujuan tersebut iaitu soal selidik dalam talian melalui *e-Probaca* (Fasa 1) dan bersemuka (Fasa 2). Kaedah yang dipilih adalah reka bentuk soal selidik tertutup memandangkan ia merupakan cara yang paling ringkas dan membolehkan liputan yang lebih luas serta menyeluruh. Soal selidik reka bentuk tertutup ini hanya membenarkan responden memilih jawapan yang disediakan sahaja. Instrumen kajian ini diadaptasikan daripada kajian-kajian yang lepas berkaitan tabiat membaca daripada dalam dan luar negara seperti berikut :

- Kajian Tabiat Membaca Rakyat Singapura 2018
- Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014
- Kajian Tabiat dan Minat Membaca Rakyat Negeri Terengganu 2014
- Sumber-sumber yang berkaitan

2.3.2. Pembahagian Item Soal Selidik

Kandungan borang soal selidik ini dibahagikan kepada lima (5) bahagian utama. Keseluruhan seksyen ini dibangunkan bagi mencapai objektif kajian seperti berikut :

- i. Mewujudkan satu profil membaca rakyat Malaysia yang terkini;
- ii. Mengenal pasti tabiat membaca rakyat Malaysia mengikut lokasi, jenis bahan bacaan, bahasa bahan bacaan, kumpulan umur, jantina dan kekerapan membaca;
- iii. Mengenal pasti perubahan minat dan trend membaca terkini rakyat Malaysia terhadap pelbagai sumber bahan

bacaan dan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan;

- iv. Mengkaji Impak Program Galakan Membaca dalam mempengaruhi minat membaca rakyat Malaysia; dan
- v. Mengenal pasti isu-isu, masalah dan korelasi di antara industri perbukuan dengan minat membaca rakyat Malaysia.

Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

Bahagian	Pengukuran	Bentuk Soalan	Jumlah Item
I	Maklumat demografi	• Negeri • Lokasi • Jantina • Umur • Status perkahwinan • Kaum • Agama • Tahap pendidikan • Jenis pekerjaan • Pendapatan • Jenis OKU	11
II	Tabiat dan trend membaca	• Kekerapan membaca • Format bahan bacaan • Jenis-jenis bahan bacaan • Bahan bacaan yang digemari • Ruang serta kemudahan membaca • Impak Program Galakan Membaca	20
II	Isu-isu berkaitan tabiat membaca	• Alasan tidak membaca, • Isu berkaitan penggunaan perpustakaan • Alasan tidak membeli buku	3
III	Perkhidmatan perpustakaan	• Tujuan mengunjungi perpustakaan • Kekerapan mengunjungi bagi tujuan membaca • Faedah penggunaan Perpustakaan	5
IV	Industri perbukuan dan tabiat membaca	• Kos untuk membeli bahan bacaan • Kaedah membeli bahan bacaan, • Ciri-ciri bahan bacaan yang dibeli	5

Jadual 2.1 : Pembahagian item soal selidik

2.4. ANALISIS DATA

Kajian ini telah menganalisis data-data yang diperoleh daripada soal selidik menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 28.0. Dua bentuk analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi.

Statistik deskriptif atau statistik perihalan merupakan statistik yang digunakan untuk memerihalkan sesuatu peristiwa. Dalam kajian ini, statistik deskriptif yang merangkumi jumlah skor, peratus dan frekuensi digunakan untuk memerihalkan latar belakang responden ataupun profil demografik. Jadual silang (*cross-tabulation*) juga turut digunakan untuk menghasilkan suatu ukuran perhubungan antara dua pemboleh ubah. Nilai min dan sisihan piawai digunakan untuk mengetahui tahap hubungan antara pemboleh ubah (objektif 2 dan objektif 3).

2.4.1. Interpretasi Pengukuran

Kajian ini turut menggumpul data berbentuk skala yang menggunakan lima (5) skala iaitu 1 - Sangat Tidak Bersetuju, 2 – Tidak Bersetuju, 3 – Tidak Pasti, 4 – Bersetuju dan 5 - Sangat Bersetuju. Justeru, kajian ini telah menggunakan pakai pengukuran skala seperti yang dicadangkan oleh Rahimah (2014). Seterusnya, nilai peratusan telah digunakan bagi mengenalpasti tahap pencapaian. Pengukuran peratusan dan interpretasi pengukuran setiap tahap dipaparkan melalui jadual di bawah :

Peratus	Tahap	Interpretasi
<46.8%	Rendah	Rendah pemahaman, pengetahuan dan penerimaan
46.8% - 73.2%	Sederhana	Sederhana pemahaman, pengetahuan, penggunaan
>73.2%	Tinggi	Tinggi pemahaman, pengetahuan, penggunaan dan penerimaan.

Jadual 2.2 : Interpretasi pengukuran
(Rahimah, 2014)

BAB 3

DAPATAN KAJIAN

DAPATAN KAJIAN

3.1. PROFIL DEMOGRAFI

Dapatan kajian dalam laporan ini adalah berdasarkan kepada data yang dianalisis daripada seramai 100,848 responden yang memberikan maklum balas berkualiti. Responden ini dipilih secara rawak mengikut kriteria yang telah ditetapkan sebelum kerja-kerja pengumpulan data dilakukan. Dalam laporan ini, demografi responden dibahagikan kepada 11 bahagian iaitu Negeri, Jantina, Umur, Status Perkahwinan, Lokasi, Kaum, Agama, Status Orang Kurang Upaya (OKU), Tahap Pendidikan Tertinggi, Jenis Pekerjaan dan Pendapatan Sebulan.

3.1.1. Maklum Balas Mengikut Negeri

Jadual 3.1 menunjukkan taburan responden yang mewakili negeri di mana mereka menetap. Data yang dipaparkan meliputi keseluruhan 14 negeri di Malaysia. Responden dari negeri Selangor merupakan responden terbesar dengan peratusan sebanyak 20.3%. Ini diikuti dengan negeri Johor sebanyak 12.4% dan negeri Sabah sebanyak 10.4%. Negeri Perlis merupakan negeri yang mempunyai responden paling sedikit dengan peratusan hanya sebanyak 0.90%.


Negeri	Maklum balas	
	n=	%
Selangor	20,472	20.30%
Johor	12,505	12.40%
Sabah	10,488	10.40%
Sarawak	7,967	7.90%
Perak	7,866	7.80%
Wilayah Persekutuan	7,564	7.50%
Kedah	6,353	6.30%
Kelantan	6,152	6.10%
Pulau Pinang	5,143	5.10%
Pahang	4,942	4.90%
Negeri Sembilan	3,630	3.60%
Terengganu	3,530	3.50%
Melaka	3,328	3.30%
Perlis	908	0.90%

Jadual 3.1 : Maklum balas mengikut negeri

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.1.2. Maklum Balas Mengikut Kawasan Bandar Dan Luar Bandar

Carta 3.1 memaparkan 67.8% (n=68,375) merupakan responden bandar manakala selebihnya iaitu 32.2% (n=32,473) merupakan responden luar bandar.




Carta 3.1 : Maklum balas mengikut kawasan bandar dan luar bandar

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.1.3. Jantina

Carta 3.2 menunjukkan maklum balas responden mengikut jantina. Responden perempuan adalah seramai 64,341 (63.8%) orang berbanding jumlah maklum balas yang diterima daripada responden lelaki iaitu sebanyak 36,507 (36.2%) orang daripada keseluruhan responden.



Carta 3.2 : Jantina

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.1.4. Kumpulan Umur

Daripada 100,848 maklum balas yang diterima, analisis yang dijalankan menunjukkan kumpulan umur di antara 35 hingga 44 tahun merupakan kumpulan umur tertinggi iaitu sebanyak 26.7%. Jumlah ini diikuti oleh kumpulan umur 15 hingga 24 tahun dengan 24.0% dan kumpulan umur 25 hingga 34 tahun yang mencatatkan 16.8%. Manakala kumpulan umur 65 tahun dan ke atas mencatatkan peratusan terkecil iaitu dengan hanya 0.80% sahaja.

Kumpulan Umur	Jumlah	
	n=	%
5 - 9	2,320	2.30%
10 – 14	10,488	10.4%
15 - 24	24,204	24.0%
25 - 34	16,942	16.8%
35 - 44	26,926	26.7%
45 - 54	14,623	14.5%
55 - 64	4,538	4.50%
65 dan lebih	807	0.80%

Jadual 3.2: Kumpulan umur


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.1.5. Status Perkahwinan

Analisis status perkahwinan responden pula menunjukkan sejumlah 50% (n=50,424) adalah responden bujang, ini diikuti dengan 47.1% (n=47,499) bagi kategori responden berkahwin dan sejumlah 2.9% (n=2,925) pula merupakan responden berstatus janda/duda/balu.



Carta 3.3 : Status perkahwinan

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden

3.1.6. Komposisi Kaum

Komposisi Kaum	Jumlah	
	=n	%
Melayu	66,559	66.0%
Cina	16,438	16.30%
India	4,338	4.30%
Bumiputera Sabah & Sarawak	12,404	12.30%
Lain-lain	1,109	1.10%

Jadual 3.3 : Komposisi mengikut kaum

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Jadual 3.3 menunjukkan data berkaitan kaum berdasarkan 5 komposisi kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak dan lain-lain . Hasil kajian menunjukkan daripada 100,848 responden, sejumlah 66.0% (n=66,559) adalah terdiri daripada kaum Melayu, diikuti dengan 16.3% (n= 16,438) bagi kaum Cina, manakala responden yang terdiri daripada kaum India adalah sejumlah 4.3% (n=4,338). Bagi bumiputera Sabah dan Sarawak pula diwakili oleh sejumlah 12.3% (n=12,404) manakala hanya 1.1% (n=1,109) sahaja mewakili kategori lain-lain kaum.

3.1.7. Agama

Agama	Jumlah	
	=n	%
Islam	73,720	73.10%
Buddha	12,808	12.70%
Hindu	4,236	4.20%
Kristian	9,378	9.30%
Lain-lain	706	0.70%


Jadual 3.4 : Agama

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Data berkaitan agama sebagaimana tercatat pada Jadual 3.4 dibahagikan kepada lima (5) kategori iaitu agama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain. Sejumlah besar responden dalam kajian ini diwakili oleh responden yang beragama Islam dengan jumlah 73.1% (n=73,720), diikuti dengan agama Buddha dengan jumlah 12.7% (n=12,808). Manakala agama Kristian pula mencatatkan 9.3% (n=9,378) iaitu ketiga tertinggi. Responden yang mewakili agama Hindu hanya 4.2% (n=4,236) dan responden yang menganut lain-lain agama pula mencatatkan jumlah yang kecil iaitu 0.7% (n=706).

3.1.8. Tahap Pendidikan Tertinggi

Carta 3.4 mencatatkan taburan tahap Pendidikan tertinggi diperoleh responden yang terlibat berdasarkan sebelas peringkat pendidikan bermula daripada peringkat Pendidikan Tidak Formal, Prasekolah, PT3/PMR/SRP/LCE, SPM/MCE/O-level, STPM/HSC/STAM/ A-LEVEL, Matrikulasi/Asasi, Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan diikuti tahap tertinggi iaitu Sarjana/PhD.



Carta 3.4 : Tahap pendidikan


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Responden dengan latar belakang pendidikan Sarjana Muda mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 31.0% (n=31,263), diikuti oleh responden mempunyai pendidikan Diploma dengan catatan 15.2% (n=15,329), manakala 14.5% (n=14,623) dengan tahap pendidikan SPM/MCE/'O'-Level. Responden Prasekolah pula mencatatkan peratusan pada tahap 13.7% (n=13,816). Tahap pendidikan peringkat Sarjana/PhD pula mencatatkan 11.6% (n=11,698). Enam (6) peringkat pendidikan yang lain berada di tahap peratusan yang rendah iaitu 5.1% (n=5,143) bagi tahap pendidikan STPM/HSC/STAM/'A'-LEVEL, diikuti 3.4% (n=3,429) bagi tahap Sijil dan PT3/PMR/SRP/LCE dan 1.5% (n=1,513) responden dengan tahap pendidikan Matrikulasi/Asasi. Taburan terendah iaitu kurang daripada 1% dicatatkan untuk responden yang mempunyai Pendidikan Tidak Formal dan 'Lain-lain' dengan masing-masing mencatatkan peratusan 0.4% (n=403) dan 0.2% (n=202).

3.1.9. Jenis Pekerjaan



Carta 3.5 : Jenis Pekerjaan


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Bagi jenis pekerjaan, kakitangan kerajaan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 37.0% (n=37,348), diikuti dengan pelajar IPT dengan jumlah 18.8% (n=18,986) dan 15.6% (n=15,713) untuk kakitangan swasta. Lain-lain jenis pekerjaan merekodkan taburan di bawah 10%. Ini termasuklah murid sekolah menengah dan rendah masing-masing pada tahap 8.5% (n=8,529) dan 6.7% (n=6,730). Mereka yang bekerja sendiri pula mencatatkan 6.1% (n=6,201) manakala tidak bekerja pula sebanyak 3.6% (n=3,599). Ini diikuti dengan latar belakang pekerjaan yang masing-masing kurang daripada dua (2) peratus iaitu suri rumah dengan jumlah 1.6% (n=1,604), 1.4% (n=1,435) bagi status pesara dan 0.7% (n=703) untuk murid prasekolah.

3.1.10. Pendapatan Bulanan



Carta 3.6 : Pendapatan bulanan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.


Analisis yang dijalankan menunjukkan, daripada 100,848 responden yang terlibat dalam kajian ini, 39.3% (n=39,633) merupakan mereka yang tiada pendapatan. Secara umumnya responden yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM2,000 – RM3,999 adalah yang paling tinggi iaitu 20.4% (n=20,573). Ini diikuti oleh mereka yang berpendapatan RM4,000 – RM5,999 dengan jumlah 15.3% (n=15,430). Manakala responden yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 pula mencatatkan peratusan sebanyak 9.10% (9,177).

Peratusan responden yang berada pada tahap pendapatan RM6,000 ke atas semakin menyusut pada setiap tahap pendapatan. Responden yang berpendapatan RM6,000 – RM7,999 mencatat 7.8% (n=7,866), diikuti dengan 5.9% (n=5,959) bagi pendapatan antara RM8,000 – RM9,999 dan 1.9% (n=1,916) bagi responden yang berpendapatan antara RM10,000 – RM11,999. Mencatatkan taburan peratusan yang sangat kecil di bawah 1% adalah pendapatan yang

melebihi RM12,000 ke atas. Ini termasuk 0.26% (n=251) bagi pendapatan RM12,000 – 13,999, manakala 0.01% (n=12) bagi responden yang masing-masing berpendapatan RM14,000 – RM15,999, RM16,000 – RM17,999 dan RM18,000 – RM19,999. Manakala pada peratusan terendah iaitu 0.005% (n=5) pula adalah responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM20,000.

3.1.11. Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

Kajian ini turut melibatkan golongan OKU supaya data yang diperoleh bersifat holistik. Analisis yang dijalankan menunjukkan sejumlah 0.9% (n=953) telah memberikan pandangan yang mewakili golongan tersebut seperti yang dipaparkan pada Carta 3.7 di bawah. Responden OKU juga dikhendaki menyatakan jenis kecacatan mereka di mana pilihan jawapan di dalam borang selidik membenarkan mereka untuk menandakan lebih daripada satu (1) kecacatan. Daripada 953 responden, analisis lanjut yang dijalankan mendapati 28.3% (n=270) adalah OKU pembelajaran, 21.0% (n=200) responden dikategorikan sebagai OKU penglihatan, 21.0% (n=199) merupakan OKU fizikal, 20.3% (n=193) responden mengalami ketidakupayaan yang pelbagai, 12.0% (n=111) pula OKU pendengaran manakala 21% (n=50) orang responden terdiri daripada OKU yang mempunyai lain-lain kecacatan.




Carta 3.7 : Golongan OKU

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.2. PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA

Bahagian ini akan memaparkan penemuan mengenai kekerapan membaca, format bahan bacaan, jenis-jenis bahan bacaan, bahan bacaan yang digemari, ruang serta kemudahan membaca dan impak Program Galakan Membaca. Dapatan kajian diperolehi berdasarkan 20 item soalan tabiat dan trend membaca yang dikemukakan di dalam borang soal selidik. Pelbagai format soalan telah digunakan bagi mendapatkan gambaran serta maklumat yang tepat daripada responden.

3.2.1. Amalan Membaca Masyarakat




Carta 3.8 : Amalan membaca masyarakat

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Carta 3.8 memaparkan amalan membaca masyarakat hasil daripada 100,848 maklum balas yang diterima. Analisis yang dijalankan menunjukkan seramai 88.6% (n=89,326) responden membaca. Manakala bakinya 11.4% (n=11,522) tidak membaca. Jika dibandingkan dengan data kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2005, didapati telah berlaku sedikit penurunan terhadap kadar minat membaca masyarakat iaitu sebanyak 1.4%. Walau bagaimanapun, perbandingan secara empirik tidak boleh dijalankan memandangkan kedua-dua kajian ini berbeza dari sudut saiz sampel, tahap umur dan trend masyarakat.

3.2.2. Amalan Membaca Mengikut Jantina




Carta 3.9 : Amalan membaca mengikut jantina

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

Analisis yang dijalankan menunjukkan 65.8% (n=58,789) terdiri daripada responden perempuan. Manakala bakinya 34.2% (n=30,537) adalah responden lelaki.

3.2.3. Amalan Membaca Mengikut Kawasan




Carta 3.10 : Amalan membaca mengikut kawasan

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

Daripada seramai 89,326 orang responden yang membaca, 69.2% (n=61,813) terdiri daripada responden yang menetap di bandar. Manakala 30.8% (n=27,513) adalah responden yang menetap di luar bandar.

3.2.4. Amalan Membaca Mengikut Umur

Bagi data amalan membaca mengikut kumpulan umur, analisis dijalankan berdasarkan data responden yang membaca iaitu seramai 89,326 responden. Berdasarkan Carta 3.11, analisis yang dijalankan menunjukkan kumpulan umur 35 – 44 tahun merupakan kumpulan umur tertinggi membaca dengan peratusan sebanyak 27.5%. Ini diikuti dengan 23.6% bagi kategori umur 15 - 24 tahun dan seterusnya kategori 25 – 34 tahun iaitu 16.9%. Manakala tiga kategori umur yang kurang membaca adalah di antara 55 - 64 tahun, 5 – 9 tahun dan 65 tahun ke atas masing-masing menunjukkan bilangan peratusan sebanyak 4.3%, 2.2% dan 0.6%.




Carta 3.11 : Amalan membaca mengikut kumpulan umur

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.2.5. Amalan Membaca Mengikut Kategori Pekerjaan

Jenis pekerjaan juga turut mempengaruhi amalan membaca dalam kalangan responden. Merujuk kepada Carta 3.12, analisis mendapati daripada 89,326 responden, kakitangan kerajaan merupakan golongan yang paling tinggi membaca iaitu 39.0% (34,837), diikuti dengan 19.1% (n=17,061) pelajar IPT dan seterusnya ialah kakitangan swasta iaitu 15.7% (n=14,024). Empat kumpulan pekerjaan menunjukkan kurang daripada 2% yang membaca iaitu 1.2% (n=1,786) adalah pesara, 1.2% (n=1,087) tidak bekerja dan 0.5% (n=44) murid prasekolah.




Carta 3.12 : Amalan membaca mengikut kategori pekerjaan

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.2.6. Amalan Membaca Mengikut Kumpulan Pendapatan

Berdasarkan Carta 3.13, kajian ini mendapati amalan membaca mengikut pendapatan pula menunjukkan responden dalam kumpulan berpendapatan RM16,000 – RM17,999, RM18,000 – RM19,999 dan melebihi RM20,000 sebulan adalah kumpulan yang paling tinggi membaca dengan keseluruhan responden telah menyatakan 100% membaca. Kumpulan yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan pula merupakan golongan yang paling kurang membaca di mana kajian ini mendapati hanya 84.8% daripada mereka membaca diikuti dengan kumpulan tiada pendapatan dengan peratusan sebanyak 85.8%.




Carta 3.13 : Amalan membaca mengikut kumpulan pendapatan

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.2.7. Amalan Membaca Mengikut Negeri

Carta 3.14 merupakan perbandingan amalan membaca di antara negeri-negeri. Wilayah Persekutuan adalah negeri yang mempunyai jumlah pembaca paling ramai iaitu sebanyak 93.7%. Ini diikuti oleh negeri Selangor yang mencatatkan 92.7%. Negeri Perak pula mencatatkan jumlah responden ketiga tertinggi membaca iaitu sebanyak 91.8%. Bagi negeri yang mencatatkan peratusan membaca terendah, negeri Sarawak telah dikenal pasti mencatatkan hanya 80.1%. Seterusnya Negeri Sembilan mencatatkan 85.3% dan diikuti negeri Kelantan iaitu sebanyak 85.4%.




Carta 3.14 : Amalan membaca mengikut negeri

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

3.3. TABIAT MEMBACA RAKYAT MALAYSIA

3.3.1. Tujuan Membaca

Kajian ini telah menyenaraikan sembilan (9) pernyataan yang memerlukan responden memberi gambaran mengenai tujuan mereka membaca. Memandangkan responden boleh menanda lebih daripada satu (1) jawapan, sebanyak 314,463 jawapan telah diterima daripada 89,326 orang responden. Berdasarkan Carta 3.15, “menambah ilmu pengetahuan” merupakan pilihan utama untuk membaca iaitu 69.9% (n=70,534). Ini diikuti dengan “mengisi masa lapang/riadah” iaitu 58.7% (n=59,198). 38.8% (n=39,125) memilih “motivasi” sebagai tujuan utama membaca. Manakala membaca untuk tujuan memenuhi “keperluan perniagaan/kewangan” pula agak rendah iaitu sebanyak 8.0% (n=8,029). Hanya 0.4% (n=1,406) responden memilih “lain-lain” sebab sebagai alasan untuk membaca.




Carta 3.15 : Tujuan membaca

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan 314,463 maklum balas

3.3.2. Faktor Utama Mempengaruhi Tabiat Membaca

Analisis menunjukkan sebelas faktor utama yang mempengaruhi tabiat membaca dengan peratusan untuk setiap kategori telah dikenal pasti melalui 316,958 maklum balas yang diterima daripada 89,326 responden. Merujuk kepada Carta 3.16, jawapan tertinggi adalah “sudah menjadi minat/amalan” iaitu sebanyak 54.6% (n=55,040). Ini diikuti membaca untuk mengetahui “isu semasa dan persekitaran (liputan media massa/publisiti)” iaitu 48.2% (n=48,629), dan “bahan bacaan mudah diperoleh/diakses” sebanyak 47.6% (n=48,004). Dapatan juga menunjukkan “promosi galakan membaca”, “harga bahan bacaan” dan “lain-lain” tidak banyak mempengaruhi responden untuk membaca, iaitu masing-masing menunjukkan 13.2% (n=13,337), 10.0% (n=10,088) dan 1.6% (n=1,660) responden.




Carta 3.16 : Faktor utama mempengaruhi tabiat membaca

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan 316,958 maklum balas

3.3.3. Kekerapan Membaca Dalam Tempoh Setahun

Berdasarkan 89,326 responden yang membaca dalam tempoh 12 bulan yang lepas, Carta 3.17 menunjukkan 43.1% (n=38,500) responden membaca setiap hari. Manakala 34.7% (30,996) membaca beberapa kali dalam seminggu, diikuti dengan 10.5% (n=9,379) responden membaca sekali dalam seminggu. Sebahagian daripada responden, iaitu 6.4% (n=5,717) membaca sebulan sekali manakala 5.3% (n=4,734) responden menyatakan bahawa mereka hanya membaca untuk beberapa kali setahun.




Carta 3.17 : Kekerapan membaca dalam tempoh setahun

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.3.4. Bilangan Bahan Bacaan Yang Dibaca Dalam Tempoh Setahun

Carta 3.18 menunjukkan jumlah bahan bacaan bercetak yang dibaca oleh 89,326 responden bagi tempoh setahun. Bagi bahan bercetak, analisis yang dijalankan menunjukkan 39.8% responden membaca lebih daripada 20 naskhah dalam tempoh setahun. Seramai 37.4% responden pula menyatakan mereka membaca di antara 11 – 20 naskhah dalam tempoh yang sama. Selain itu, 13.7% responden membaca di antara 6 – 10 naskhah setahun manakala sejumlah 9.1% responden membaca di antara 1 – 5 naskhah dalam tempoh yang sama.



Carta 3.18 : Bilangan bahan bacaan yang dibaca dalam tempoh setahun


Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

Manakala jumlah bahan bacaan elektronik/digital pula menunjukkan 39% responden membaca di antara 1 – 5 naskhah dalam tempoh setahun. Seramai 34% responden pula menyatakan mereka membaca di antara 6 – 10 naskhah dalam tempoh yang sama. Selain itu, 22.2% responden membaca di antara 11 – 20 naskhah setahun manakala sejumlah 4.8% responden membaca lebih daripada 20 naskhah dalam tempoh yang sama.

3.3.5. Bahan Bacaan Bercetak Yang Dibaca Dalam Tempoh Setahun Mengikut Kawasan

Carta 3.19 di bawah menunjukkan data bagi jumlah bahan bacaan bercetak yang dibaca mengikut kawasan. Bilangan bacaan yang dibaca oleh responden bandar adalah tinggi berbanding responden daripada kawasan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan responden yang membaca lebih daripada 20 naskhah buku setahun adalah lebih tinggi di kawasan bandar (41.3%) berbanding luar bandar (36.4%). Bagi bilangan antara 11 hingga 20 naskhah,

responden luar bandar (38.9%) mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding responden bandar (36.7%). Begitu juga bagi bilangan 6 hingga 10 naskhah dimana responden luar bandar mendahului peratusan dengan 15.4% berbanding responden bandar yang mencatatkan 13%. Perbezaan tipis boleh dilihat bagi responden yang membaca 1 hingga 5 naskhah iaitu responden bandar dan luar bandar masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 9% dan 9.3%.



Carta 3.19 : Bahan bacaan bercetak yang dibaca dalam tempoh setahun mengikut kawasan

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.3.6. Tempoh Masa Membaca Dalam Sehari

Carta 3.20 menunjukkan purata jam membaca yang diperuntukkan oleh responden dalam sehari. Analisis memaparkan nilai masa yang dinyatakan adalah di dalam jam. Namun begitu, nilai tersebut lebih mudah dibaca dalam format jam dan minit. Ini dilakukan dengan mengguna pakai pengiraan berikut:

Contoh:


$$0.185 \text{ jam} / 1 \text{ jam} \times 60 \text{ minit} = 11.1 \text{ minit}$$

Kajian ini memaparkan purata membaca dalam kalangan responden dalam sehari bagi setiap jenis bahan bacaan bercetak adalah di antara 0.87 jam atau 50 minit 4 saat hingga 1.35 jam atau 1 jam 21 minit sehari. Manakala purata keseluruhan membaca bahan bercetak dalam sehari adalah 1 jam 6 minit.

Analisis terhadap bahan bercetak mendapati novel adalah jenis bahan bacaan paling lama dibaca dalam sehari iaitu 1.35 jam atau 1 jam 21 minit, diikuti dengan kitab keagamaan iaitu 1.15 jam atau 1 jam 9 minit. Seterusnya, masa membaca ketiga paling lama adalah bagi buku bukan fiksyen iaitu 1.10 jam atau 1 jam 6 minit dalam sehari.

Kajian ini juga turut menganalisis tempoh membaca bahan bacaan elektronik/digital dalam sehari dalam kalangan responden. Analisis memaparkan purata membaca untuk setiap jenis bahan bacaan elektronik/digital adalah di antara 0.731 atau 43 minit 8 saat hingga 1.27 jam atau 1 jam 16 minit sehari. Manakala, purata keseluruhan tempoh membaca bahan elektronik/digital adalah 1 jam dalam sehari.

Analisis terhadap bahan bacaan elektronik/digital pula menunjukkan kategori lain-lain bacaan elektronik/digital adalah jenis bahan bacaan paling lama dibaca dalam sehari iaitu 1.27 jam atau 1 jam 16 minit, diikuti dengan jurnal iaitu 1.07 jam atau 1 jam 4 minit. Seterusnya, tempoh membaca ketiga paling lama adalah komik iaitu 1.01 jam atau 1 jam 5 minit dalam sehari.



Carta 3.20 : Tempoh masa membaca dalam sehari

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.3.8. Tempoh Membaca Bahan Bacaan Bercetak Dalam Sehari Mengikut Umur

Kumpulan Umur	Tempoh Membaca								
	Karya agung	Buku ilmiah	Buku bukan fiskyen	Novel	Jurnal	Majalah	Surat khabar	Kitab Keagamaan	Komik
5 - 9	0.0078	0.0116	0.0135	0.0114	0.0063	0.0101	0.0113	0.013	0.0225
10 - 14	0.0738	0.0736	0.115	0.1233	0.0418	0.0558	0.0584	0.0939	0.1198
15 - 24	0.2050	0.2113	0.2882	0.4187	0.2074	0.2079	0.2095	0.3	0.3406
25 - 34	0.1586	0.1771	0.1902	0.2332	0.1632	0.1592	0.1682	0.1907	0.1652
35 - 44	0.2515	0.2828	0.298	0.3521	0.2546	0.2799	0.2873	0.3211	0.2394
45 - 54	0.1365	0.1487	0.1468	0.165	0.1317	0.1441	0.1488	0.1753	0.0948
55 - 64	0.0366	0.0367	0.0392	0.0422	0.0303	0.0408	0.0454	0.05	0.022
65 dan ke atas	0.0046	0.0047	0.0044	0.0053	0.0056	0.0049	0.0071	0.0043	0.0038

Jadual 3.5 : Tempoh Membaca Bahan Bacaan Bercetak Dalam Sehari Mengikut Umur

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

Jadual 3.5 di atas menunjukkan tempoh membaca bahan bacaan bercetak mengikut umur. Analisis menunjukkan responden berumur di antara 35-44 tahun adalah pembaca paling rajin dengan menghabiskan masa di antara 0.239 jam atau 14 minit 4 saat hingga 0.3521 jam atau 21 minit dalam sehari bagi semua kategori bahan bacaan bercetak kecuali novel dan komik. Manakala, bahan bacaan jenis novel dan komik pula, analisis menunjukkan responden berumur di antara 15-24 tahun paling lama menghabiskan masa membaca bahan tersebut iaitu masing-masing 0.419 jam atau 25 minit dan 0.341 jam atau 20 minit. Manakala responden berumur 65 tahun dan ke atas merupakan kategori paling kurang membaca, dengan menghabiskan masa membaca kurang dari 1 minit untuk setiap jenis bahan bercet

3.3.9. Tempoh Membaca Bahan Bacaan Elektronik/digital Dalm Sehari Mengikut Umur

Jadual 3.6 memaparkan analisis terhadap tempoh membaca bahan bacaan elektronik/digital dalam sehari mengikut kategori umur. Analisis menunjukkan responden berumur di antara 35-44 adalah paling rajin membaca untuk setiap jenis bahan bacaan elektronik/digital kecuali majalah, dengan menghabiskan masa membaca antara 0.216 jam atau 15 minit hingga 0.343 jam atau 21 minit. Bagi bahan bacaan berbentuk majalah, ianya dibaca paling lama oleh responden berumur di antara 15-24 tahun iaitu 0.354 jam atau 21 minit. Manakala responden berumur 65 tahun dan ke atas merupakan kategori paling kurang membaca, dengan menghabiskan masa membaca kurang dari 1 minit untuk setiap jenis bahan elektronik/digital.

Kumpulan Umur	Tempoh Membaca											
	Karya agung	Buku ilmiah	Buku bukan fiskyen	Novel	Jurnal	Majalah	Surat khabar	Kitab agama	Komik	Pangkalan data	Media baharu / dalam talian	Lain-lain
5 - 9	0.0062	0.008	0.0113	0.008	0.0085	0.0094	0.0073	0.0088	0.0092	0.0083	0.0161	0.0164
10 - 14	0.0397	0.0483	0.0584	0.0483	0.0556	0.0745	0.035	0.0453	0.0473	0.0635	0.0899	0.0984
15 - 24	0.1793	0.2291	0.2095	0.2291	0.2508	0.3539	0.2183	0.1818	0.2000	0.2423	0.3252	0.3461
25 - 34	0.1368	0.1673	0.1682	0.1673	0.1629	0.1856	0.173	0.1539	0.1717	0.1659	0.1624	0.229
35 - 44	0.2184	0.2762	0.2873	0.2762	0.2523	0.2781	0.2567	0.2604	0.2887	0.273	0.2157	0.3438
45 - 54	0.1138	0.1404	0.1488	0.1404	0.1234	0.1264	0.1279	0.1266	0.1449	0.1413	0.087	0.1713
55 - 64	0.0333	0.0362	0.0454	0.0362	0.0329	0.0341	0.0335	0.0392	0.0425	0.0435	0.020	0.0539
65 dan ke atas	0.0033	0.0051	0.0071	0.0051	0.0037	0.0046	0.0052	0.0047	0.0076	0.0032	0.003	0.0078

Jadual 3.6 : Tempoh Membaca Bahan Bacaan elektronik/digital Dalam Sehari Mengikut Umur


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden

3.3.10. Kekerapan Penggunaan Peranti Untuk Membaca

Carta 3.21 di bawah menunjukkan penggunaan peranti bagi tujuan untuk membaca sumber maklumat elektronik/digital/digital dalam tempoh setahun. Analisis menunjukkan telefon merupakan peranti membaca yang paling kerap digunakan iaitu 62.2%. Ini diikuti oleh peranti komputer iaitu oleh 28.6% responden. Manakala peranti braille merupakan peranti yang paling kurang digunakan oleh responden iaitu 0.5% responden, ini diikuti oleh audio 40.9% dan tablet iaitu sebanyak 13.2% responden.




Carta 3.21 : Kekerapan penggunaan peranti untuk membaca

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.3.11. Sebab Utama Membaca Bahan Bacaan Elektronik/Digital Mengikut Kawasan



Carta 3.22 : Sebab utama membaca bahan bacaan elektronik/digital mengikut kawasan


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

Carta 3.22 di atas menunjukkan faktor yang mempengaruhi responden bandar dan luar bandar memilih bahan bacaan elektronik/digital. Dapatan kajian menunjukkan alasan utama responden dari kawasan bandar memilih bahan bacaan elektronik/digital adalah kerana “kemudahan untuk mengakses” iaitu 77.1% dan 69.7% bagi kawasan luar bandar. Manakala pilihan kedua tertinggi bagi kedua-dua responden bandar dan luar bandar adalah “senang digunakan” iaitu masing - masing menunjukkan 68.2% dan 65.3% responden. Ini diikuti dengan “penjimatan kos” iaitu 57.6% responden bandar dan 52.1% responden luar bandar. Manakala, “penjimatan masa” dilihat kurang memberi impak kepada responden untuk memilih bahan bacaan elektronik/digital iaitu dengan peratusan sebanyak 47.2% responden bandar dan 44.6% luar bandar

3.3.12. Sebab Utama Membaca Bahan Bacaan Elektronik/Digital Mengikut Jenis Pekerjaan



Carta 3.23 : Sebab utama membaca bahan bacaan elektronik/digital mengikut jenis pekerjaan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.


Carta 3.23 di atas menunjukkan sebab-sebab yang mempengaruhi responden untuk membaca berdasarkan jenis pekerjaan mereka. Analisis menunjukkan bahawa “senang digunakan” dan “mudah mengakses” merupakan sebab utama responden memilih untuk membaca. Dapatan kajian menunjukkan “mudah mengakses” adalah sebab utama mengapa responden membaca, dan ia adalah

paling tinggi dalam kalangan murid sekolah rendah (59.5%), pelajar IPT (80.2%), kakitangan kerajaan (83.0%), kakitangan swasta (75.7%), bekerja sendiri (64.7%), suri rumah (70.7%) dan tidak bekerja (54.1%). Faktor “senang digunakan” pula telah menjadi pilihan utama responden bagi kategori murid prasekolah (59.3%), murid sekolah menengah (67.4%), dan pesara (56.1%).

“Penjimatan masa” dan “penggunaan tanpa batasan” adalah faktor yang paling kurang mempengaruhi responden dalam pelbagai kategori pekerjaan. Bagi faktor “penjimatan masa”, analisis menunjukkan bahawa faktor ini tidak banyak mempengaruhi semua kategori pekerjaan kecuali murid prasekolah dan murid sekolah rendah. Kategori tersebut adalah murid sekolah menengah (33.9%), pelajar IPT (49.9%), kakitangan kerajaan (53.7%), kakitangan swasta (15%), bekerja sendiri (5.2%), pesara (28.7%), suri rumah (47.2%), tidak bersekolah (7.5%) dan tidak bekerja (31%).

Manakala murid prasekolah dan murid sekolah rendah memilih “penggunaan tanpa batasan” sebagai sebab yang paling kurang mempengaruhi mereka dalam memilih bahan bacaan iaitu masing-masing 4.35% dan 32.6%.

3.3.13. Bahasa Pilihan Bahan Bacaan Mengikut Kawasan



Carta 3.24 : Bahasa pilihan bahan bacaan mengikut kawasan

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

Kajian ini turut membuat perbandingan daripada segi bahasa pilihan bahan bacaan berdasarkan kepada kawasan responden iaitu bandar dan luar bandar. Sebanyak lima (5) bahasa utama telah menjadi pilihan jawapan responden di samping satu (1) pilihan jawapan merujuk kepada pilihan lain-lain bahasa.

Carta 3.24 di atas memaparkan pilihan bahasa bahan bacaan yang menjadi pilihan bagi responden dari kedua-dua kawasan. Analisis menunjukkan bahasa pilihan utama bahan bacaan responden bandar dan luar bandar adalah Bahasa Melayu iaitu dengan masing-masing sebanyak 76.4% dan 78.6%. Manakala Bahasa Inggeris pula


merupakan bahasa pilihan kedua iaitu 71.8% bagi responden bandar dan 59.4% responden luar bandar. Manakala pemilihan bahan bacaan Bahasa Mandarin bagi kedua-dua kawasan tidak jauh beza iaitu 13.5% responden bandar dan 15.9% responden luar bandar. Pemilihan bahan bacaan Bahasa Arab menerima maklum balas yang sama iaitu 4.5% bagi responden di kedua-dua kawasan

3.3.14. Topik Pilihan Bahan Bacaan Mengikut Kawasan

Carta 3.25 memaparkan topik pilihan bahan bacaan responden mengikut kawasan. Analisis menunjukkan topik utama pilihan responden bagi kedua-dua kawasan adalah “agama” iaitu 50.5% responden bandar dan 51.4% responden luar bandar. Topik “kesihatan” adalah pilihan kedua bagi kedua-dua lokasi iaitu 50.2% responden bandar dan 49.2% responden luar bandar. Ketiga tertinggi adalah topik “resipi dan masakan” iaitu 41.0% responden bandar dan 41.4% responden luar bandar. Topik “keluarga dan keibubapaan” merupakan pilihan keempat responden iaitu 37.0% responden bandar dan 38.4% responden luar bandar. Topik kelima pilihan responden adalah topik “pelancongan” iaitu 37% responden bandar dan 37.4% responden luar bandar.

Manakala lima (5) topik yang kurang menjadi pilihan responden adalah topik berkaitan “perhubungan dan cinta” iaitu 23.3% responden bandar dan 23.7% responden luar bandar. Ini diikuti oleh “sains dan kejuruteraan” iaitu 22.4% responden bandar dan 17.4% responden luar bandar. Seterusnya, topik “geografi” iaitu 17.5 % responden bandar dan 16.8% responden luar bandar. Ini diikuti oleh topik “biografi” iaitu 15.4% responden bandar dan 11.4 % responden luar bandar. Manakala hanya 10.6% responden bandar dan 12.6% responden luar bandar memilih topik “perpaduan” sebagai pilihan paling kurang diminati oleh responden di kedua-dua kawasan.

Analisis menunjukkan tidak banyak perbezaan di antara kedua-dua kawasan dari segi pemilihan topik bagi responden bandar dan luar bandar iaitu di antara 1-2 % kecuali topik “sains dan kejuruteraan” iaitu perbezaan sebanyak 5%.




Carta 3.25 : Topik pilihan bahan bacaan mengikut kawasan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.3.15. Genre Bahan Bacaan Yang Dibaca Mengikut Kawasan



Carta 3.26 : Genre bahan bacaan fiksi yang dibaca mengikut kawasan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.


Carta 3.26 di atas menunjukkan genre bahan bacaan yang menjadi pilihan utama responden bagi kawasan bandar dan luar bandar. Hasil analisis menunjukkan bahawa genre “misteri dan kisah seram” adalah yang paling diminati oleh responden bandar, dengan peratusan sebanyak 58.4%. Genre ini telah menjadi pilihan memandangkan ia adalah bacaan rekreasi di samping dianggap mengandungi kisah moral dan pengajaran. Ini diikuti oleh “novel dan komik” sebanyak 55.4%. Pilihan ketiga yang paling popular dalam genre bahan bacaan

untuk responden bandar adalah “cerita jenaka”, iaitu dengan peratusan 48.5%. Seterusnya, genre “kisah kehidupan” dan “sains fiksyen” iaitu 35.3%, ini diikuti oleh genre “cerita rakyat” iaitu 33.8%. Genre “perhubungan dan cinta” pula adalah pilihan seterusnya iaitu 32.8%. Genre “fantasi” adalah pilihan kedua terakhir dengan peratusan 30.3%, dan hanya 13.7% responden yang memilih genre “puisi” sebagai pilihan terakhir.

Manakala bagi responden di kawasan luar bandar, analisis yang dijalankan menunjukkan genre pilihan utama adalah “novel dan komik” iaitu 53.1%. Ini diikuti oleh “cerita jenaka” iaitu 49.4%. Manakala “sains fiksyen” dan “kisah seram” adalah pilihan ketiga responden iaitu 41.6%. Ini diikuti oleh “cerita rakyat” iaitu 33.1% dan “kisah kehidupan” iaitu 32.6%. Manakala genre “fantasi” adalah pilihan kedua terakhir iaitu 30.3% dan hanya 13.7% responden memilih genre “puisi” sebagai pilihan terakhir.

3.3.16. Cara Bahan Bacaan Diperoleh Mengikut Kawasan

Carta 3.27 memaparkan cara bahan diperolehi oleh responden. Analisis menunjukkan bahawa kedai buku merupakan pilihan utama responden di bandar untuk memperolehi bahan yang dibaca iaitu 61.3% responden. Ini diikuti oleh muat turun dalam talian secara percuma (contoh u-Pustaka) iaitu 54.6% responden. Seterusnya, pembelian dan langganan merupakan pilihan ketiga dengan peratusan 46.3% responden, manakala perpustakaan merupakan pilihan keempat responden dengan peratusan 44.5%. Tiga cara lain yang digunakan oleh responden untuk memperolehi bahan bacaan adalah pinjaman (selain perpustakaan) dengan peratusan 20.2%, sudut bacaan seperti *Free Little Library* dengan peratusan 19.8%, dan pusat sumber sekolah dengan peratusan 19.2%.



Carta 3.27 : Cara bahan bacaan diperolehi mengikut kawasan

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.


Manakala bagi responden di luar bandar, kaedah utama memperoleh bahan bacaan adalah melalui muat turun dalam talian secara percuma (contoh u-Pustaka) iaitu 52.1% responden. Ini diikuti oleh kedai buku, iaitu 50.3% responden. Manakala perpustakaan adalah kaedah ketiga yang popular, dengan peratusan 45.3% responden luar bandar memilihnya. Pinjaman (selain perpustakaan) dan pusat sumber sekolah adalah kaedah yang paling kurang diminati oleh responden, dengan masing-masing hanya 19.5% dan 19.2% memilihnya.

3.4. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN BUDAYA MEMBACA

Dalam bahagian ini, alasan dan tujuan penggunaan perpustakaan (fizikal dan digital) diukur berdasarkan pengalaman responden sama ada pernah atau tidak pernah mengunjungi perpustakaan. Kekerapan responden mengunjungi jenis-jenis perpustakaan diukur menggunakan enam (6) skala iaitu 1 – Lebih Sekali Seminggu, 2 – Seminggu Sekali, 3 – Dua Minggu Sekali, 4 – Sebulan Sekali, 5 - Beberapa Kali Setahun dan 6 – Tidak Pernah. Tanggapan responden diukur berkenaan bagaimana perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan membantu tabiat membaca mereka menggunakan lima (5) skala iaitu 1 – Sangat Tidak Bersetuju, 2 – Tidak Bersetuju, 3 – Tidak Pasti, 4 – Bersetuju dan 5 - Sangat Bersetuju. Sikap responden terhadap kesan penggunaan perpustakaan terhadap kemahiran literasi pula diukur menggunakan empat (4) skala iaitu 1 – Tidak Mahir, 2 – Kurang Mahir, 3 – Mahir dan 4 – Sangat Mahir. Jadual Interpretasi Pengukuran seperti yang dicadangkan oleh Rahimah (2014) melalui Jadual 2.2 telah dijadikan rujukan bagi menginterpretasi data yang diperoleh.

3.4.1. Pernah Mengunjungi Perpustakaan

Carta 3.28 menggambarkan pengalaman responden mengunjungi pelbagai jenis perpustakaan.



Carta 3.28 : Pernah mengunjungi perpustakaan


Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Analisis berkaitan pengalaman mengunjungi perpustakaan seperti ditunjukkan di dalam Carta 3.28 mendapati 83.9% (n=84,631) daripada jumlah keseluruhan responden (n=100,848) pernah mengunjungi perpustakaan. Manakala baki 16.1% (n=16,217) didapati tidak pernah mengunjungi perpustakaan. Berdasarkan peratusan yang diperolehi ini, boleh dirumuskan bahawa jumlah mereka yang tidak pernah mengunjungi perpustakaan adalah rendah berbanding dengan responden yang pernah mengunjungi.

3.4.2. Tujuan Mengunjungi Perpustakaan

Tiga belas (13) pernyataan telah disenaraikan bagi responden memberikan maklum balas tentang tujuan mereka ke perpustakaan. Pernyataan tersebut merangkumi Belajar atau menyelesaikan tugas, Berjumpa kawan, Lawatan sambil belajar, Meluangkan masa bersendirian, Membaca, Membuat rujukan/penyelidikan, Mencari maklumat dalam subjek khas/khusus, Menggunakan bahan-bahan bercetak, Menggunakan bahan-bahan elektronik/digital, Menggunakan kemudahan perpustakaan, Menyertai aktiviti-aktiviti perpustakaan, Pinjaman dan pemulangan buku dan Lain-lain.

Berdasarkan Carta 3.29, 71.6% (n=60,517) responden mengunjungi perpustakaan dengan tujuan untuk “menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan”, diikuti 53.8% (n=45,476) untuk “membaca”, 52.6% (n=44,514) untuk “membuat rujukan/penyelidikan”, 51.2% (n=43,288) bertujuan membuat “pinjaman dan pemulangan buku”, 48.9% (n=41,388) bagi tujuan “belajar atau menyelesaikan tugas”, 39.9% (n=33,744) “bertujuan mencari maklumat dalam subjek khas/khusus”, 36.4% (n=30,790) untuk “menggunakan bahan-bahan bercetak” dan 35.5% (n=29,986) pula mengatakan bahawa tujuan mereka mengunjungi perpustakaan adalah untuk “meluangkan masa bersendirian”.



Carta 3.29 : Tujuan Mengunjungi Perpustakaan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 404608 maklum balas.

Manakala terdapat lima (5) pernyataan berkaitan tujuan mengunjungi perpustakaan yang mencatatkan peratusan di bawah 30% iaitu tujuan untuk “menyertai aktiviti perpustakaan” dengan peratusan 28.7% (n=24,302), diikuti dengan “berjumpa kawan” dan “menggunakan bahan-bahan elektronik/digital” dengan peratusan yang sama iaitu 22.6% (n=19,133). “Lawatan sambil belajar” pula mencatatkan 13% (n=11,024) manakala “lain-lain tujuan” merekodkan 1.6% (n=1,350). Antara lain-lain tujuan yang dinyatakan oleh responden termasuklah “mendapatkan kemudahan Wi-Fi” dan “penghawa dingin percuma”, “menghadiri kursus/bengkel”, “mengendalikan kelas tuisyen”, serta “menjadikan perpustakaan sebagai tempat rehat dan riadah (seperti bermain catur dan permainan *video* serta mencari ketenangan)”

3.4.3. Faktor Tidak Pernah Mengunjungi Perpustakaan

Kajian ini juga telah menyenaraikan 11 pernyataan bagi memperoleh maklumat berkaitan alasan responden tidak pernah ke perpustakaan. Berdasarkan analisis, tiga (3) alasan teratas masing-masing melebihi 30% daripada keseluruhan responden yang tidak mengunjungi perpustakaan, masing-masing dengan bacaan 36.4%, 36.3%, dan 32.2%. Peratusan tertinggi iaitu 36.4% (n=5,774) yang direkodkan sebagai alasan paling utama tidak ke perpustakaan adalah disebabkan “kurang masa lapang”. Manakala 36.3% (n=5,757) pula menyatakan mereka “mendapat maklumat dari sumber-sumber lain”, diikuti 32.2% (n=5,111) menyatakan alasan bahawa “aktiviti-aktiviti lain lebih menarik” daripada berkunjung ke perpustakaan. Lapan (8) pernyataan selebihnya mencatatkan peratusan yang agak rendah iaitu kurang daripada 20%. Alasan bahawa “lokasi perpustakaan yang tidak strategik” mencatatkan 19.9% (n=3,154), 15% (n=2,373) direkodkan bahawa “waktu perkhidmatan tidak bersesuaian”, 11.3% (n=1,796) “tidak tahu perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan” oleh perpustakaan, 9.2% (n=1,459) “koleksi perpustakaan tidak mencukupi/tidak terkini/tidak menarik”, 8.1% (n=1,289) pula direkodkan bagi pernyataan “tiada kemudahan pengangkutan awam”, manakala 4.6% (n=737) merasakan “bangunan perpustakaan tidak menarik” sebagai alasan tidak mengunjungi perpustakaan. Peratusan paling kecil direkodkan adalah 1.8% iaitu responden menyatakan “kakitangan perpustakaan tidak mesra pengguna”.




Carta 3.30 : Faktor tidak pernah mengunjungi perpustakaan

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan sebanyak 28,213 maklum balas

3.4.4. Kekerapan Mengunjungi Perpustakaan

Carta 3.31 menunjukkan kekerapan responden mengunjungi perpustakaan mengikut 10 jenis perpustakaan iaitu Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam, Perpustakaan Akademik, Perpustakaan Khusus, Perpustakaan Desa, Perpustakaan Digital, Pusat Sumber Sekolah, Perpustakaan Komuniti, Perpustakaan Bergerak dan Bilik/Sudut Bacaan. Daripada keseluruhan 84,631 responden yang pernah mengunjungi perpustakaan, analisis menunjukkan kekerapan responden ke Perpustakaan Negara mencatatkan 7.8% (n=6,621) mengunjunginya lebih satu (1) kali seminggu, 2% (n=1,722) berkunjung seminggu sekali, 2.2% (n=1,895) dua (2) minggu sekali, 2.5% (n=2,118) mengunjungi Perpustakaan Negara satu (1) bulan sekali. Seterusnya diikuti oleh 23.1% (n=19,564) yang berkunjung hanya beberapa kali setahun manakala 62.3% (n=52,711) responden menyatakan tidak pernah berkunjung ke Perpustakaan Negara. Walau bagaimanapun, peratusan yang tinggi untuk jumlah responden yang tidak pernah mengunjungi Perpustakaan Negara adalah disebabkan kutipan data bagi kajian ini melibatkan responden dari seluruh negara. Justeru, kecenderungan responden dari luar Lembah Klang untuk tidak pernah mengunjungi Perpustakaan Negara adalah sangat tinggi.

KEKERAPAN MENGUNJUNGI PERPUSTAKAAN



Carta 3.31 : Kekerapan mengunjungi perpustakaan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 84,631 responden.

Analisis yang dijalankan ke atas kekerapan mengunjungi Perpustakaan Awam pula mendapati daripada keseluruhan 84,631 responden, 6.9% (n=5,848) berkunjung lebih daripada satu (1) kali seminggu, 5.0% (n=4,259) ke Perpustakaan Awam hanya satu (1) kali seminggu, 6.2% (n=5,211) berkunjung sebanyak dua (2) minggu sekali, 10.7% (n=9,027) responden berkunjung ke Perpustakaan Awam hanya satu (1) kali sebulan, manakala sejumlah besar daripada keseluruhan responden yang pernah ke perpustakaan iaitu 50.3% (n=42,529) menyatakan bahawa mereka berkunjung ke Perpustakaan Awam hanya beberapa kali setahun manakala selebih 21% (n=17,757) daripada responden pula menyatakan mereka tidak pernah ke Perpustakaan Awam.

Analisis terhadap kekerapan kunjungan responden ke Perpustakaan Akademik didapati bahawa 14.1% (n=11,891) responden mengunjungi perpustakaan jenis ini lebih daripada satu (1) kali seminggu, diikuti 7.4% (n=6,266) bagi satu (1) kali seminggu, 6.5% (n=5,465) untuk dua (2) minggu sekali dan 8.3% (n=7,030) bagi kunjungan satu (1) bulan sekali. Manakala 23% (n=19,478) responden dicatatkan mengunjungi Perpustakaan Akademik hanya beberapa kali setahun dan sejumlah besar selebihnya iaitu 40% responden tidak pernah ke Perpustakaan Akademik.

Hasil analisis yang dibuat ke atas kekerapan kunjungan responden ke Perpustakaan Khusus, didapati bahawa 8.4% (n=7,126) mengunjunginya lebih daripada satu (1) kali seminggu, diikuti 3% (n=2,573) responden menyatakan bahawa mereka mengunjungi Perpustakaan Khusus seminggu sekali, 3.9% (n=3,269) mengunjungi dua (2) kali seminggu, 6% (n=5,050) responden menyatakan mereka mengunjunginya sekali sebulan, manakala 15.6% (n=13,163) berkunjung beberapa kali setahun. Memandangkan antara ciri utama Perpustakaan Khusus adalah perpustakaan yang mempunyai fungsi, koleksi mahupun pengguna yang spesifik kepada sesebuah organisasi khususnya, maka dapat dilihat bahawa lebih daripada separuh responden

53,450 (n=63.3%) tidak pernah mengunjungi perpustakaan tersebut.

Sementara itu analisis terhadap kekerapan responden mengunjungi Perpustakaan Desa mendapati 13.9% (n=11,752) responden mengunjungi Perpustakaan Desa lebih daripada satu (1) kali seminggu. Ini diikuti 2.8% (n=2,385) yang berkunjung satu (1) kali seminggu, 3.3% (n=2,805) berkunjung satu kali (1) dalam dua (2) minggu, 4.7% (n=3,950) hanya berkunjung sebulan sekali. Data juga menunjukkan 16.2% (n=13,735) responden berkunjung ke Perpustakaan Desa hanya beberapa kali dalam tempoh setahun, manakala sebilangan besar responden iaitu 59.1% (n=50,004) tidak pernah ke Perpustakaan Desa.

Daripada keseluruhan responden yang pernah mengunjungi perpustakaan, analisis terhadap kekerapan mereka ke Perpustakaan Digital pula mencatatkan sejumlah 13.6% (n=11,528) mengunjungi nya lebih satu (1) kali seminggu, 6.5% (n=5,517) berkunjung seminggu sekali, 7.8% (n=6,604) untuk dua (2) minggu sekali, manakala 9.3% (n=7,897) mengunjungi Perpustakaan Digital satu (1) bulan sekali. Seterusnya diikuti dengan 19.4% (n=16,411) yang berkunjung hanya beberapa kali setahun dan selebih 43.3% (n=36,674) responden tidak pernah berkunjung ke Perpustakaan Digital.

Analisis yang dibuat ke atas kunjungan ke Pusat Sumber Sekolah pula mendapati 15.4% (n=13,027) berkunjung lebih daripada satu (1) kali seminggu, 8.2% (n=6,905) mencatatkan kekerapan ke Pusat Sumber Sekolah hanya satu (1) kali seminggu, 9.4% (n=7,978) bagi responden yang berkunjung sebanyak sekali dalam tempoh dua (2) minggu dan 10.4% (n=8,786) responden berkunjung ke Pusat Sumber Sekolah hanya satu (1) kali sebulan. Sejumlah besar daripada keseluruhan responden pula mencatatkan kekerapan 22.5% (n=19,049) di mana mereka berkunjung ke Pusat Sumber Sekolah hanya beberapa kali setahun manakala 34.1% (n=28,886) daripada responden pula

menyatakan mereka tidak pernah mengunjungi Pusat Sumber Sekolah.

Bagi analisis terhadap kekerapan kunjungan responden ke Perpustakaan Komuniti didapati bahawa 7.7% (n=6,534) responden mengunjungi perpustakaan jenis ini, lebih daripada satu (1) kali seminggu, diikuti 3.3% (n=2,809) responden dengan kekerapan satu (1) kali seminggu, 3.9% (n=3,290) mengunjunginya dua (2) minggu sekali dan 6.0% (n=5,068) responden dengan kunjungan satu (1) bulan sekali. Manakala 15.7% (n=13,319) responden dicatatkan mengunjungi Perpustakaan Komuniti hanya beberapa kali dalam tempoh setahun dan bakinya iaitu 63.3% (n=53,611) responden pula tidak pernah mengunjungi Perpustakaan Komuniti.

Analisis ke atas kekerapan kunjungan responden ke Perpustakaan Bergerak, didapati bahawa 8.0% (n=6,769) mengunjunginya lebih daripada satu kali seminggu, diikuti 3.5% (n=2,970) responden menyatakan bahawa mereka mengunjungi Perpustakaan Bergerak sekali dalam seminggu, 3.1% (n=2,617) mengunjungi perpustakaan ini dua (2) kali seminggu, 4.3% (n=3,612) responden menyatakan mereka mengunjunginya satu (1) bulan sekali manakala 16.6% (n=14,008) berkunjung beberapa kali dalam tempoh setahun. Perpustakaan Bergerak juga mencatatkan peratusan tertinggi untuk responden yang tidak pernah berkunjung ke perpustakaan jenis ini, iaitu sebanyak 64.6% (n=54,655).

Kekerapan responden mengunjungi Bilik/Sudut Bacaan mencatatkan bahawa 14.5% (n=12,282) daripada keseluruhan responden mengunjungi Bilik/Sudut Bacaan lebih daripada satu (1) kali seminggu. Ini diikuti 8.7% (n=7,352) yang berkunjung satu (1) kali seminggu, 9.7% (n=8,189) berkunjung satu (1) kali dalam dua (2) minggu, 11.7% (n=9,924) hanya berkunjung sebulan sekali sahaja. Manakala data juga menunjukkan 24.5% (n=20,755) responden berkunjung ke Bilik/Sudut Bacaan hanya beberapa

kali dalam tempoh setahun dan sebilangan besar responden iaitu 30.9% (n=26,129) tidak pernah ke Bilik/Sudut Bacaan


3.4.5. Penggunaan Perkhidmatan/Kemudahan Perpustakaan Membantu Tabiat Membaca

Carta 3.32 adalah hasil analisis yang menunjukkan bagaimana penggunaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan membantu tabiat membaca responden. Enam (6) perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disenaraikan termasuklah kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), peminjaman koleksi perpustakaan, perkhidmatan Perpustakaan Digital (cth. u-Pustaka, Serambi Ilmu Rakyat, Perpustakaan digital universiti, dll.), Perkhidmatan Rujukan dan Perkhidmatan OKU.

Daripada 84,631 responden yang menggunakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, 17.9% (n=15,149) daripada responden sangat bersetuju dan 57.8% (n=48,917) bersetuju bahawa menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membantu tabiat membaca mereka. Walau bagaimanapun sejumlah 3.1% (n=2,624) daripada responden tidak bersetuju, malah 4.2% (n=3,554) sangat tidak bersetuju bahawa menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membantu tabiat membaca mereka. Manakala 17% (n=14,387) daripada responden menyatakan tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

Analisis juga menunjukkan maklum balas responden berdasarkan pernyataan penggunaan perkhidmatan Peminjaman Koleksi Perpustakaan. Sejumlah 16.3% (n=13,795) responden sangat bersetuju diikuti 58.2% (n=49,255) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 3.8% (n=3,216) tidak bersetuju dan 3.6% (n=3,047) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sejumlah 18.1% (n=15,318) pula menyatakan tidak pasti dengan pernyataan bahawa

Perkhidmatan Peminjaman Koleksi Perpustakaan membantu tabiat membaca mereka.



Carta 3.32 : Penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam membantu minat membaca

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 84,631 responden.

Hasil analisis seterusnya digambarkan dalam Carta 3.32 mencatatkan maklum balas responden terhadap penggunaan Perpustakaan Digital. Jumlah responden yang memberikan maklum balas positif sangat tinggi berbanding pernyataan lain. Sejumlah 51.5% (n=43,585) dan 19.4% (n=16,418) masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju bahawa penggunaan perpustakaan digital membantu tabiat membaca mereka. Walau bagaimanapun, hanya sejumlah kecil iaitu 3.9% (n=3,301) daripada responden tidak bersetuju malah 4.2% (n=3,555) sangat tidak bersetuju bahawa menggunakan perpustakaan digital membantu tabiat membaca mereka. Manakala 21% (n=17,772) daripada responden menyatakan tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

Carta di atas juga mencatatkan sejumlah 55.6% (n=47,055) responden bersetuju dan 17.4% (n=14,726) sangat bersetuju bahawa menggunakan perkhidmatan rujukan telah membantu tabiat membaca mereka. Manakala sejumlah 3.7% (n=3,131)

daripada responden tidak bersetuju ditambah dengan 4.0% (n=3,385) sangat tidak bersetuju bahawa menggunakan perkhidmatan rujukan membantu tabiat membaca mereka. Baki 19.3% (n=16,334) responden pula mengatakan tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

3.4.6. Penggunaan Perpustakaan Dan Kemahiran Literasi Maklumat

Berdasarkan Carta 3.33 di bawah, responden memberi maklum balas penggunaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang digunakan telah meningkatkan kemahiran literasi maklumat mereka. Sejumlah 78.3% (n=66,254) responden mengatakan 'Ya' iaitu penggunaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan membantu meningkatkan kemahiran literasi maklumat mereka manakala sejumlah 21.7% (n=18,377) pula mengatakan 'Tidak' atau dengan kata lain penggunaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan tidak membantu meningkatkan kemahiran literasi maklumat mereka.




Carta 3.33 : Penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam meningkatkan kemahiran literasi maklumat

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan sebanyak 84,631 maklum balas

3.4.7. Tahap Kemahiran Literasi Maklumat

Sejumlah 66,254 orang responden yang bersetuju bahawa penggunaan perkhidmatan/kemudahan perpustakaan telah meningkatkan kemahiran literasi maklumat mereka juga memberi maklum balas akan tahap literasi maklumat melalui pengukuran enam (6) pernyataan kemahiran berikut; Mengenal pasti keperluan maklumat, Mencari maklumat, Menilai maklumat, Mengurus maklumat, Menggunakan maklumat dengan betul dan Menyebar maklumat. Empat (4) skala iaitu 1 – Tidak Mahir, 2 – Kurang Mahir, 3 – Mahir dan 4 – Sangat Mahir digunakan bagi mengukur tahap kemahiran responden.

Berdasarkan Carta 3.34, didapati daripada seramai 66,254 responden yang telah memberi maklum balas terhadap tahap kemahiran literasi maklumat mereka khususnya kemahiran mengenal pasti keperluan maklumat, 61.5% (n=40,746) mengatakan mereka mahir dan sejumlah 28.5% (n=18,882) pula mengatakan mereka sangat mahir. Manakala hanya 9.2% (n=6,095) dan 0.8% (n=530) mengatakan mereka kurang mahir dan tidak mahir mengenal pasti keperluan maklumat mereka.



Carta 3.34 : Tahap kemahiran literasi maklumat

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan sebanyak 66,254 maklum balas

Dalam aspek tahap kemahiran mencari maklumat, 60.1% (n=39,819) daripada 66,254 responden mengatakan mereka mahir manakala sejumlah 33% (n=21,864) lagi mengatakan mereka sangat mahir dalam mencari maklumat. Berbanding dengan hanya 6.4% (n=4,240) menyatakan kurang mahir dan 0.5% (n=331) daripada responden pula menyatakan mereka tidak mahir dalam mencari maklumat.

Carta tersebut juga menunjukkan tahap literasi maklumat responden dalam aspek kemahiran menilai sesuatu maklumat. Berdasarkan analisis yang dibuat, 59.8% (n=39,620) responden meletakkan kemahiran menilai sesuatu maklumat pada tahap mahir dan 28.4% (n=18,816) responden pula mengatakan mereka sangat mahir. Hanya sebilangan kecil responden mengatakan mereka kurang mahir iaitu sejumlah 11% (n=7,288) dan sejumlah 0.8% (n=530) responden mengatakan mereka tidak mahir menilai maklumat.


Seterusnya, berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas kemahiran mengurus maklumat, 57% (n=37,765) responden mengatakan mereka mahir, malah 27.7% (n=18,352) daripada responden mengatakan mereka sangat mahir dalam mengurus maklumat. Manakala hanya 14.3% (n=9,474) responden mengatakan mereka kurang mahir diikuti dengan 1% (n=663) pula menggambarkan mereka tidak mahir dalam mengurus maklumat.

Dalam menetapkan tahap kemahiran literasi maklumat khususnya kemahiran menggunakan maklumat dengan betul, 60.3% (n=39,951) responden yang menggambarkan bahawa mereka mahir dalam menggunakan maklumat dengan betul manakala 31.4% (n=20,804) pula mengatakan mereka sangat mahir. Selebihnya iaitu sejumlah 7.7% (n=5,102) responden pula merasakan mereka kurang mahir menggunakan maklumat dengan betul dan 0.6% (n=398) pula mengatakan mereka tidak mahir menggunakan maklumat dengan betul.

Carta 3.34 juga menggambarkan kemahiran menyebarkan maklumat responden yang merupakan salah satu komponen literasi maklumat. Sejumlah 57.3% (n=37,964) responden mengatakan mereka mahir dalam menyebarkan maklumat manakala 29.5% (n=19,545) pula mengatakan mereka sangat mahir dalam menyebarkan maklumat. Sebaliknya sejumlah 10.8% (n=7,155) responden pula mengatakan mereka kurang mahir dalam kemahiran menyebarkan maklumat dan seterusnya 2.4% (n=1,590) pula menyatakan mereka tidak mahir melakukannya.

3.4.8. Faedah Menggunakan Perpustakaan

Berdasarkan Carta 3.35 di bawah, analisis yang dijalankan mendapati beberapa faedah yang diperoleh oleh responden apabila menggunakan perpustakaan. Empat (4) faedah telah disenaraikan di mana responden boleh memilih lebih daripada satu pernyataan sebagai jawapan.



Carta 3.35 : Faedah menggunakan perpustakaan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 224,421 maklum balas


Analisis yang dijalankan mendapati 81.3% (n=68,805) responden mengatakan bahawa penggunaan perpustakaan “meningkatkan pengetahuan dan pemahaman” mereka

sebagai faedah tertinggi. Peratusan kedua tertinggi iaitu 79.5% (n=67,282) daripada responden mengatakan bahawa dengan menggunakan perpustakaan mereka dapat “mempelajari ilmu dan kemahiran baru”. Seterusnya 62.3% (n=52,725) daripada responden mengatakan bahawa menggunakan perpustakaan dapat memudahkan mereka “menyelesaikan tugas”. Manakala hampir separuh daripada responden iaitu sejumlah 42% (n=35,545) mengatakan bahawa dengan menggunakan perpustakaan mereka menjadi “semakin minat untuk membaca”. Lain-lain faedah dengan peratusan 1.7% yang dinyatakan oleh responden termasuklah menjadikannya hobi, dapat menikmati suasana persekitaran yang selesa, memanfaatkan masa lapang, mendapat bahan bacaan yang lebih bervariasi, mendapat ilham dan idea, mencari sumber rujukan kajian, mendapatkan maklumat dengan kos yang rendah, meluangkan masa dengan rakan-rakan dan juga menjadikan perpustakaan sebagai tempat yang selesa untuk bersendirian.

3.5. Profil Membaca Golongan OKU

3.5.1. Amalan Membaca Golongan OKU

Berdasarkan Carta 3.36 di bawah, analisis yang dijalankan terhadap responden dalam kalangan golongan OKU mendapati mereka yang tidak membaca adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 67.8% (n=646) berbanding golongan OKU yang membaca iaitu sebanyak 32.2% (n=307).




Carta 3.36 : Amalan membaca golongan OKU

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 953 responden.

3.5.2. Bilangan Naskhah Yang Dibaca Oleh OKU

Carta 3.37 memaparkan bilangan naskhah bercetak yang dibaca oleh OKU. Analisis yang dijalankan menunjukkan bilangan naskhah bercetak paling tinggi dibaca pada kadar 6 - 10 naskhah setahun iaitu sebanyak 39.7%. Ini diikuti dengan 32.2% membaca 1 - 5 naskhah setahun. Manakala 16.9% responden OKU membaca lebih daripada 20 naskhah. Hanya 11.1% responden OKU membaca sekitar 11-20 naskhah bercetak setahun.

Manakala untuk bahan bacaan elektronik/digital pula, analisis menunjukkan jumlah 11- 20 naskhah setahun merupakan bilangan yang paling tinggi iaitu sebanyak 42%. Ini diikuti oleh 40% responden yang memilih bahan bacaan elektronik/digital di antara 6 – 10 naskhah. Manakala, 30% responden membaca lebih daripada 20 naskhah setahun dan hanya 2.6% responden membaca sekitar 1-5 naskhah setahun.



Carta 3.37 : Bilangan naskhah yang dibaca oleh golongan OKU

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 307 responden.

Bagi mendapatkan jumlah naskah yang dibaca dalam setahun oleh golongan OKU, formula nilai min terkumpul telah digunakan seperti yang ditunjukkan pada jadual kekerapan di bawah :

	N	Range	Min.	Max.	Sum	Min	Std. Deviation	Var.
Jumlah buku yang dibaca setahun (Bercetak)	953	4	0	4	882	0.93	1.469	2.157
Jumlah buku yang dibaca setahun (Elektronik/Digital)	953	4	0	4	616	0.65	1.045	1.092

Jadual 3.7. : Jadual kekerapan dan nilai min golongan OKU

Bahan Bacaan Bercetak	n	%	Min
Tidak Pernah Membaca	646	67.8	0
1 hingga 5 naskah (nilai min adalah pada aras 0.93 ataupun hampir kepada aras 1)	52	5.5	1
6 hingga 10 naskah	34	3.6	2
11 hingga 20 naskah	122	12.8	3
> 20 naskah	99	10.4	4
Total	953	100	

Jadual 3.8. : Jadual kekerapan membaca bahan bacaan bercetak golongan OKU


Bahan Bacaan Elektronik/Digital	n	%	Min
Tidak Pernah Membaca	646	67.8	0
1 hingga 5 naskah (nilai min adalah pada 0.65 ataupun hampir kepada aras 1)	92	9.7	1
6 hingga 10 naskah	129	13.5	2
11 hingga 20 naskah	78	8.2	3
> 20 naskah	8	0.8	4
Total	953	100.0	

Jadual 3.9. : Jadual kekerapan membaca bahan bacaan elektronik/digital golongan OKU

Berdasarkan Jadual 3.8 dan 3.9 memaparkan jumlah bahan bacaan adalah pada kadar 1 hingga 5 naskah bagi bahan bacaan bercetak dan digital/elektronik dalam tempoh setahun. Mengikut perkiraan, min menunjukkan kadar membaca adalah 6 naskah setahun bagi kedua-dua jenis bacaan tersebut. Ini mengambil kira bahan bacaan bercetak adalah pada kadar min 0.93 ataupun $1+5/2 = 3$ naskah, manakala bahan bacaan digital/elektronik adalah pada kadar min 0.65 ataupun pada $1+5/2 = 3$.


3.5.3. Bahasa Pilihan Utama Bahan Bacaan Bagi OKU

Carta 3.38 memaparkan pilihan utama bahasa bahan bacaan bagi golongan OKU. Analisis menunjukkan Bahasa Melayu merupakan bahasa pilihan utama iaitu sebanyak 26.5% responden telah memilih bahasa tersebut. Ini diikuti pula oleh 23.8% responden yang telah memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa pilihan kedua. Bahasa Mandarin pula menjadi pilihan bagi 6.2% responden. Manakala Bahasa Arab dipilih oleh 1.9% responden dan lain-lain bahasa juga mencatatkan sebanyak 1.9%. Bahasa Tamil pula hanya mencatatkan sebanyak 0.2% iaitu merupakan bahasa pilihan bahan bacaan terendah oleh responden.



Carta 3.38 : Bahasa pilihan utama bahan bacaan golongan OKU


Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 307 responden.



Carta 3.39 : Topik pilihan bahan bacaan bagi golongan OKU

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan maklum balas seramai 307 responden.

3.5.5. Genre Bahan Bacaan Yang Dibaca Golongan OKU




Carta 3.40 : Genre bahan bacaan fiksi yang dibaca golongan OKU

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 307 responden.

Carta 3.40 memaparkan genre bahan bacaan Fiksi yang dibaca oleh responden dalam kalangan OKU. Analisis menunjukkan bahawa Novel dan Komik adalah pilihan utama, masing-masing dengan peratusan sebanyak 21.2%. Ini diikuti oleh Cerita Jenaka, yang menjadi pilihan sebanyak 17.4%. Analisis juga menunjukkan sebanyak 16.9% memilih Kisah Kehidupan sebagai pilihan berikutnya. Seterusnya, bahan bacaan genre Misteri dan Kisah Seram dipilih oleh 15.8% responden. Manakala genre fantasi merupakan pilihan ketiga terakhir, iaitu dengan peratusan 10.9%, diikuti oleh 10.6% responden yang memilih Perhubungan dan Cinta. Genre yang paling kurang diminati oleh responden adalah Puisi, dengan hanya 4.8% responden.

3.5.6. Penggunaan Perkhidmatan/Kemudahan Perpustakaan Membantu Tabiat Membaca Golongan OKU



Carta 3.41 : Penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam membantu minat membaca golongan OKU

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan sebanyak 1,528 maklum balas

Carta 3.41, menunjukkan analisis yang diperoleh dalam mengukur sejauh mana responden bersetuju bahawa penggunaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan membantu tabiat membaca orang kelainan upaya (OKU). Secara keseluruhannya daripada 84,631 responden yang menggunakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, seramai 310 merupakan responden OKU. Daripada sejumlah 310 OKU, analisis mendapati 11.6% (n=36) daripada mereka sangat bersetuju dan 57% (n=177) bersetuju bahawa menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membantu tabiat membaca mereka. Walau bagaimanapun sejumlah 2.2% (n=7) responden tidak bersetuju, malah 9.4% (n=29) sangat tidak bersetuju bahawa menggunakan

kemudahan ICT membantu tabiat membaca mereka. Manakala 19.7% (n=61) daripada responden menyatakan tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

Sebagaimana digambarkan pada carta di atas, analisis juga menunjukkan maklum balas responden berdasarkan pernyataan penggunaan perkhidmatan Peminjaman Koleksi Perpustakaan. Sejumlah 12.9% (n=40) responden sangat bersetuju diikuti 55.5% (n=172) bersetuju dengan pernyataan bahawa perkhidmatan peminjaman koleksi telah membantu tabiat membaca mereka. Manakala 4.5% (n=14) tidak bersetuju dan 7.1% (n=22) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Baki 20% (n=62) pula menyatakan tidak pasti dengan pernyataan bahawa Perkhidmatan Peminjaman Koleksi Perpustakaan membantu tabiat membaca mereka.


Analisis seterusnya pula memaparkan maklum balas responden terhadap penggunaan Perpustakaan Digital. Daripada responden yang memberikan maklum balas positif, sejumlah 13.5% (n=42) dan 55.2% (n=171) masing-masing sangat bersetuju dan bersetuju bahawa penggunaan perpustakaan digital membantu tabiat membaca mereka. Walau bagaimanapun, sejumlah kecil iaitu 2.2% (n=7) daripada responden tidak bersetuju malah 8.1% (n=25) sangat tidak bersetuju bahawa menggunakan perpustakaan digital membantu tabiat membaca mereka. Manakala 21% (n=65) daripada responden OKU menyatakan tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

Bagi penggunaan Perkhidmatan Rujukan pula, Carta 3.41 mencatatkan sejumlah 11.3% (n=35) responden sangat bersetuju dan 56.9% (n=176) responden OKU bersetuju bahawa dengan menggunakan perkhidmatan tersebut telah membantu tabiat membaca mereka. Berbanding dengan sejumlah 3.5% (n=11) daripada responden OKU tidak bersetuju dan 7.7% (n=24) sangat tidak bersetuju bahawa menggunakan perkhidmatan rujukan membantu tabiat membaca mereka. 20.6% (n=64) responden pula mengatakan tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Responden OKU juga telah telah menggambarkan bagaimana Perkhidmatan OKU yang disediakan di perpustakaan membantu tabiat membaca mereka. Dicatatkan bahawa seramai 20% (n=62) sangat bersetuju dan 36.2% (n=112) pula bersetuju bahawa perkhidmatan OKU menyumbang kepada tabiat membaca mereka. Walau bagaimanapun terdapat sejumlah 6.1% (n=19) responden mengatakan tidak bersetuju dan 10.6% (n=33) sangat tidak bersetuju. Namun begitu terdapat juga sejumlah 27.1% (n=84) responden yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

3.6. Impak Program Galakan Membaca

Kajian ini juga menasaskan untuk mengkaji impak Program Galakan Membaca yang telah dijalankan khususnya dalam mempengaruhi minat membaca rakyat Malaysia. Dipaparkan di bawah adalah carta yang menunjukkan peratusan penglibatan responden di dalam Program Galakan Membaca. Analisis menunjukkan daripada n=89,326 responden yang membaca, didapati 51% (n=45,775) responden tidak pernah menyertai sebarang Program Galakan Membaca. Manakala bakinya iaitu 49% (n=43,531) responden pernah menyertai Program Galakan Membaca yang telah dianjurkan oleh pelbagai pihak.




Carta 3.42 : Penyertaan dalam Program Galakan Membaca

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.6.1. Penyertaan Program Galakan Membaca Mengikut Kawasan

Carta 3.43 menunjukkan penyertaan responden terhadap Program Galakan Membaca mengikut kawasan. Perbandingan berdasarkan lokasi menunjukkan responden bandar lebih ramai menyertai Program Galakan Membaca iaitu sebanyak 62.8% (n=28,767) berbanding responden luar bandar iaitu hanya 37.2% (17,028). Analisis juga menunjukkan responden kawasan bandar lebih ramai Tidak Pernah Menyertai Program Galakan Membaca iaitu dengan peratusan sebanyak 75.9% (33,040) berbanding responden Luar Bandar dengan peratusan 24.1% (10,491).




Carta 3.43 : Penyertaan Program Galakan Membaca mengikut kawasan

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 89,326 responden.

3.6.2. Penyertaan Program Galakan Membaca Mengikut Jenis Pekerjaan

Carta 3.44 di bawah menunjukkan penyertaan responden di dalam Program Galakan Membaca mengikut jenis pekerjaan. Analisis mendapati kategori Kakitangan Kerajaan adalah responden yang paling ramai menyertai Program Galakan Membaca iaitu 45% (n=20,579), diikuti dengan pelajar IPT iaitu 20.4% (n=9,277) dan murid sekolah menengah iaitu sebanyak 10.9% (n=5,010). Manakala responden dalam kalangan murid prasekolah, pesara dan tidak bersekolah paling kurang menyertai program tersebut, iaitu masing-masing 0.6% (n=258) dan 0.5% (n=240).




Carta 3.44 : Penyertaan Program Galakan Membaca mengikut jenis pekerjaan

Nota :
Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
Data berdasarkan maklum balas seramai 45,795 responden.

3.7. Hubungan Antara Industri Perbukuan Dengan Minat Membaca

3.7.1. Adakah Anda Membeli Bahan-Bahan Bacaan?



Carta 3.45 : Adakah anda membeli bahan-bahan bacaan?

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 100,848 responden.

Berdasarkan carta 3.45, kajian ini mendapati 72.2% responden membeli bahan-bahan bacaan. Manakala bakinya iaitu 27.8% tidak membeli bahan bacaan.

3.7.2. Alasan Tidak Membeli Bahan Bacaan.

Alasan tidak membeli bahan bacaan	n=	%
Maklumat daripada Internet lebih terkini	12,568	17.5
Banyak pilihan bahan bacaan percuma	10,790	15.0
Menggunakan perkhidmatan perpustakaan	9,163	12.7
Mengutamakan keperluan asas	8,797	12.2
Kekangan Kewangan	8,001	11.1
Harga bahan bacaan	5,362	7.5
Tidak minat untuk membeli bahan bacaan	4,804	6.7
Lokasi kedai buku jauh dari rumah	2,697	3.8
Kurang promosi	2,079	2.9
Kurang insentif	1,487	2.1
Bahan bacaan elektronik/digital sukar digunakan	1,383	1.9
Bahan bacaan tiada dipasaran/ ketiadaan stok	1,063	1.5
Tidak menemui bahan bacaan dalam talian dan ulasan	1,056	1.5
Kebanyakan bahan bacaan dijual tidak berada dalam senarai buku terlaris	1,026	1.4
Kurang bahan bacaan dalam bahasa yang diperlukan	903	1.3
Lain-lain	733	1.0
Jumlah	71,912	100

Jadual 3.10 : Alasan tidak membeli bahan bacaan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 71,912 maklum balas


Kajian ini turut mengenal pasti alasan mengapa responden tidak membeli bahan bacaan. Sebanyak 71,912 kekerapan jawapan telah diterima daripada responden berdasarkan 16 pilihan jawapan yang disediakan. Didapati maklumat daripada internet lebih terkini merupakan jawapan tertinggi responden dengan peratusan sebanyak 17.5%. Ini diikuti dengan banyak pilihan

bahan bacaan percuma iaitu sebanyak 15% dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan sebanyak 12.7%. Manakala tiga (3) alasan responden tidak membeli bahan bacaan adalah kebanyakan bahan bacaan dijual tidak berada dalam senarai buku terlaris (1.4%), Kurang bahan bacaan dalam Bahasa yang diperlukan (1.3%) dan lain-lain alasan (1%) adalah punca mengapa mereka tidak membeli bahan bacaan.

3.7.3. Jumlah Bahan Bacaan Yang Dibeli Dalam Tempoh Setahun.

Carta 3.46 di bawah memaparkan Jumlah bahan bacaan bercetak dan elektronik/digital yang dibeli dalam tempoh setahun oleh responden. Dapatan yang diperoleh menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan pembelian adalah sebanyak 48.7% responden yang membeli antara 1 hingga 5 naskhah bahan bercetak setahun. Jumlah pembelian ini adalah statistik tertinggi berbanding jumlah pembelian bahan bercetak yang lain. Jumlah bahan bacaan bercetak yang dibeli kedua tertinggi adalah melebihi 10 buah naskhah iaitu sebanyak 25.4% dan diikuti 6 hingga 10 naskhah sebanyak 24.5%. Manakala 1.3% maklum balas menunjukkan responden tidak pernah membuat pembelian.

Bagi jumlah bahan bacaan elektronik/digital yang dibeli dalam tempoh setahun, kajian ini mendapati jumlah 1 hingga 5 buah naskhah yang dibeli merupakan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 44.2%. Ini diikuti dengan 6 hingga 10 buah naskhah sebanyak 12.7% dan melebihi sepuluh naskhah sebanyak 11.8%. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati 31.4% responden tidak pernah membeli bahan bacaan elektronik/digital.



Carta 3.46 : Jumlah bahan bacaan yang dibeli dalam tempoh setahun

Nota :


Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan maklum balas seramai 72,788 responden.

3.7.5. Jenis Bahan Bacaan Yang Dibeli Dalam Tempoh Setahun.

Merujuk kepada Carta 3.47, kajian ini mendapati novel/fiksyen merupakan jenis bahan bacaan bercetak yang menjadi pilihan dengan peratusan sebanyak 17.2%. Bahan bacaan bercetak yang dibeli kedua tertinggi pula adalah buku ilmiah dengan peratusan 15.1% dan kitab agama menjadi pilihan ketiga tertinggi dengan 13.1%. Bagi jenis bahan bacaan yang dibeli terendah pula, dapatan menunjukkan karya agung hanya menjadi pilihan kepada 6.10% responden. Ini diikuti oleh jurnal sebanyak 2.9% dan Lain-lain jenis bahan bacaan sebanyak 0.50%.

Bagi bahan bacaan elektronik/digital yang dibeli pula, kajian ini mendapati novel/fiksyen mendapat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 16.9% diikuti buku ilmiah sebanyak 13.9% dan komik sebanyak 11.4%. Manakala bagi jenis bahan bacaan elektronik/digital yang paling sedikit dibeli adalah karya agung sebanyak 7.3%, diikuti jurnal 5.2% dan Lain-Lain bahan bacaan elektronik/digital sebanyak 2.4%.



Carta 3.47 : Jenis bahan bacaan yang dibeli dalam tempoh setahun


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 160,530 maklum balas

3.7.6. Jumlah Peruntukan Pembelian Bahan Bacaan Dalam Tempoh Setahun.


Merujuk kepada Carta 3.48, penemuan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 46.9% responden telah memperuntukkan antara RM101 hingga RM500 bagi membuat pembelian bahan bacaan setahun. Peratusan ini merupakan peruntukan tertinggi berbanding 38.1% responden yang menyatakan mereka memperuntukkan kurang daripada RM100 setahun. Manakala sebanyak 10.0% responden memperuntukkan antara RM501 hingga RM1,000 setahun. Sementara itu, 5.0% responden menyatakan mereka memperuntukkan lebih daripada RM1,000 setahun untuk pembelian bahan bacaan dalam tempoh setahun.



Carta 3.48 : Jumlah peruntukan pembelian bahan bacaan dalam tempoh setahun

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan sebanyak 72,788 maklum balas

3.7.7. Bahan Bacaan Terbitan Malaysia Menepati Keperluan Masyarakat.



Carta 3.49 : Bahan bacaan terbitan Malaysia menepati keperluan masyarakat

Nota :
 Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.
 Data berdasarkan sebanyak 72,788 maklum balas

Berdasarkan Carta 3.49, didapati 63.7% responden bersetuju menyatakan bahan bacaan terbitan Malaysia menepati keperluan pembacaan mereka. 17.3% responden pula berpendirian sangat bersetuju dengan pandangan ini. 10.9% responden menyatakan tidak pasti sama ada bahan bacaan terbitan Malaysia menepati keperluan mereka. Selain itu kajian ini mendapati 5.4% responden tidak bersetuju dan 2.7% responden sangat tidak bersetuju mengenai bahan bacaan terbitan Malaysia menepati keperluan pembacaan mereka.

3.7.8. Ciri-Ciri Bahan Bacaan Yang Menarik Minat.

Kajian ini juga mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri bahan bacaan yang menarik minat rakyat Malaysia. Sebanyak sebelas (11) ciri-ciri bahan bacaan berserta satu (1) soalan terbuka telah digunakan.

Ciri bahan bacaan yang menarik minat	Sangat Bersetuju		Bersetuju		Tidak Pasti		Tidak Bersetuju		Sangat Tidak Bersetuju	
	%	n=	%	n=	%	n=	%	n=	%	n=
a) Muka depan yang menarik	42.6	31,023	42.1	30,661	8.6	6,249	4.6	3,346	2.1	1,509
b) Gaya penulisan yang ringkas	38.0	27,681	34.9	34,901	10.1	7,316	2.7	1,953	1.3	937
c) Kandungan yang mencabar minda	32.2	23,425	45.7	33,231	16.9	12,269	3.9	2,828	1.4	1,035
d) Judul yang menarik	33.7	24,518	42.8	31,141	16.0	11,665	5.4	3,936	2.1	1,528
e) Penulisan mudah dan mampu dibaca dengan cepat	43.6	31,722	46.0	33,481	7.8	5,681	1.6	1,165	1.0	739
f) Karya penulis tersohor	30.9	22,463	40.8	29,701	19.2	13,949	6.7	4,866	2.5	1,809
g) Penggunaan ilustrasi yang unik dan menarik	40.5	29,462	43.9	31,928	11.1	8,058	3.1	2,268	1.5	1,072
h) Harga buku yang murah	47.6	34,626	38.4	27,941	9.9	7,205	2.7	19,958	1.5	1,058
i) Adaptasi novel kepada filem dan drama	22.0	16,045	34.6	25,208	23.4	17,016	11.8	8,573	8.2	5,946
j) Buku yang mudah diperoleh	41.4	30,113	43.9	31,942	10.2	7,448	3.0	2,196	1.5	1,089
k) Ciri-ciri tambahan pada buku	29.9	21,798	38.9	28,285	20.0	14,539	5.8	4,195	5.5	3,971

Jadual 3.11 : Ciri-ciri bahan bacaan yang menarik minat

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 72,788 maklum balas.

a) Muka depan yang menarik

Bagi ciri-ciri muka depan yang menarik, dapatan kajian menunjukkan 42.6% responden menyatakan sangat bersetuju. Ini diikuti 42.1% yang bersetuju manakala 8.6% tidak pasti dengan faktor muka depan yang menarik. 4.6% responden pula menyatakan tidak bersetuju manakala 2.1% responden menyatakan sangat tidak bersetuju dengan faktor tersebut.

b) Gaya penulisan ringkas

Kajian ini mendapati 47.9% responden menyatakan pendirian bersetuju dengan ciri-ciri gaya penulisan ringkas telah menarik minat mereka membaca. Ini diikuti dengan 38% yang berpendirian sangat bersetuju manakala 10.1% berpendirian tidak pasti. 2.7% responden menyatakan tidak bersetuju manakala 1.3% berpendirian sangat tidak bersetuju.

c) Kandungan mencabar minda

Bagi ciri-ciri kandungan bahan yang mencabar minda, 45.7% responden menyatakan bersetuju ia mempengaruhi mereka untuk membaca bahan berkenaan. 32.2% responden pula menyatakan sangat bersetuju ciri-ciri kandungan yang mencabar minda merupakan bahan bacaan yang menarik minat mereka. Selain itu, 16.9% pula memilih jawapan tidak pasti manakala 3.9% tidak bersetuju dan 1.4% beranggapan sangat tidak bersetuju mengenai ciri-ciri kandungan yang mencabar minda sebagai tarikan untuk mereka membaca.

d) Judul yang menarik

Berdasarkan Jadual 3.8 di atas, judul bahan bacaan yang menarik juga memainkan peranan yang mempengaruhi responden untuk membaca. Sebanyak 42.8% responden menyatakan bersetuju dengan judul bahan bacaan yang menarik sebagai ciri-ciri bahan bacaan yang menjadi pilihan mereka. 33.7% responden pula menyatakan sangat bersetuju dan 16% berpendirian tidak pasti. Sementara itu 5.4% responden menyatakan tidak bersetuju manakala 2.1% responden sangat tidak bersetuju dengan judul bahan bacaan yang menarik tidak mempengaruhi minat mereka untuk membaca.

e) Penulisan mudah dan mampu dibaca cepat

Bagi ciri-ciri penulisan mudah dan mampu dibaca cepat, kajian ini mendapati 46% responden bersetuju ia mendorong minat mereka untuk membaca. 43.6% responden pula menyatakan sangat bersetuju. 7.8% responden pula menyatakan tidak pasti bahan bacaan yang mempunyai gaya penulisan mudah dan mampu dipecah akan mendorong mereka untuk membaca. Manakala 1.6% responden menyatakan tidak bersetuju dan 1.0% responden sangat tidak bersetuju dengan ciri-ciri penulisan mudah dan mampu dibaca cepat akan mendorong mereka untuk membaca.

f) Karya penulis tersohor

Jadual 3.8 juga memaparkan ciri-ciri bahan bacaan yang ditulis oleh penulis tersohor akan mempengaruhi pilihan bahan bacaan oleh responden. 40.8% responden menyatakan bersetuju dengan ciri-ciri ini. 30.9% responden pula menyatakan sangat bersetuju dengan faktor karya penulis tersohor. Sementara itu, 19.2% responden menyatakan tidak pasti jika karya penulis

tersohor telah mempengaruhi pemilihan bacaan mereka. 6.7% responden pula menyatakan tidak bersetuju dan 2.5% responden pula memilih tidak bersetuju dengan faktor ini.

g) Penggunaan ilustrasi yang unik dan menarik

Penggunaan ilustrasi yang unik dan menarik telah dikenal pasti melalui kajian ini sebagai ciri-ciri yang mendorong responden untuk mendapatkan bahan bacaan. Ini kerana 43.9% responden telah menyatakan sangat bersetuju penggunaan ilustrasi yang unik dan menarik mempengaruhi minat mereka. 40.5% responden juga telah menggambarkan pendirian mereka sebagai sangat bersetuju. Walau bagaimanapun 11.1% responden memilih tidak pasti jika penggunaan ilustrasi yang unik dan menarik mempengaruhi pilihan bahan bacaan mereka. Jadual 3.6 di atas juga menunjukkan 3.1% responden telah menyatakan tidak bersetuju dan 1.5% sangat tidak bersetuju dengan ciri-ciri penggunaan ilustrasi yang unik dan menarik.

h) Harga buku yang murah

Kajian ini juga mendapatkan pandangan daripada responden berkenaan sekiranya harga buku yang murah akan menarik minat mereka untuk mendapatkan bahan bacaan terbabit. Dapatan kajian menunjukkan 47.6% responden menyatakan sangat bersetuju bahawa ciri-ciri bahan bacaan yang menarik minat mereka didorong oleh harga buku yang murah. Ini diikuti oleh responden yang menyatakan pendirian bersetuju sebanyak 38.4%. Sebanyak 9.9% responden pula menyatakan tidak pasti sama ada buku yang murah akan mempengaruhi minat mereka untuk membaca. Manakala 2.7% responden berpendirian tidak bersetuju dan bakinya 1.5% menyatakan Sangat tidak bersetuju mengenai harga

buku yang murah sebagai faktor yang mendorong mereka untuk mendapatkan bahan bacaan.

i) Adaptasi novel kepada filem dan drama

Berdasarkan Jadual 3.8 juga data-data yang diperoleh menunjukkan peratusan responden yang bersetuju adaptasi novel kepada filem dan drama adalah antara ciri-ciri bahan bacaan yang menarik minat mereka dengan peratusan sebanyak 34.6%. Walau bagaimanapun 23.4% menyatakan tidak pasti jika faktor ini mempengaruhi mereka untuk mendapatkan bahan bacaan. 22% responden pula berpendirian sangat bersetuju adaptasi novel kepada filem dan drama mempengaruhi mereka dalam mendapatkan bahan bacaan. Manakala responden yang memilih tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju adaptasi novel kepada filem dan drama juga menunjukkan peratusan yang tinggi dengan masing-masing mencatat 11.8% (tidak bersetuju) dan 8.2% (sangat tidak bersetuju).

j) Buku yang mudah diperoleh


Kajian ini turut mendapatkan pendirian responden samada ciri bahan yang menarik minat mereka dipengaruhi oleh buku yang mudah diperoleh. Kajian ini juga mendapati 43.9% responden menyatakan bersetuju minat mereka untuk mendapatkan bahan bacaan dipengaruhi oleh buku yang mudah diperoleh. 41.4% responden pula berpendirian sangat bersetuju dengan faktor tersebut. Kajian ini juga mendapati 10.2% responden tidak pasti sekiranya faktor ini telah mempengaruhi minat mereka untuk mendapatkan bahan bacaan. Manakala 2.2% responden berpendirian tidak bersetuju dan 1.5% sangat tidak bersetuju dengan faktor yang dinyatakan.

k) Ciri-ciri tambahan pada buku (pop-up dan muzik)

Kajian ini juga turut mendapatkan pandangan daripada responden mengenai ciri-ciri tambahan pada buku yang menyebabkan ia menjadi tarikan untuk responden membaca. Data yang diperoleh menunjukkan 38.9% responden bersetuju dan 29.9% responden menyatakan sangat bersetuju dengan ciri-ciri tambahan pada buku telah menarik minat mereka untuk membaca. Data-data juga menunjukkan 20% tidak pasti jika minat mereka untuk membaca dipengaruhi oleh ciri-ciri tambahan pada buku berkenaan. Manakala dapatan kajian juga menunjukkan 5.8% responden tidak bersetuju dan 5.5% sangat tidak bersetuju dengan faktor ciri-ciri tambahan pada buku telah menarik minat mereka untuk membaca.

3.7.9. Tempat Membeli Bahan Bacaan

Kajian ini juga telah mengenal pasti tempat membeli bahan bacaan para responden. Carta 3.50 menunjukkan 38.4% menyatakan mereka telah membeli bahan bacaan dari kedai buku. 26.2% pula memilih membeli buku dari pesta buku. Sebanyak 25.6% responden pula telah dikenal pasti membuat pembelian buku melalui dalam talian daripada platform tempatan iaitu sebanyak 25.6%. Manakala 8.8% responden menyatakan mereka membuat pembelian buku dalam talian platform antarabangsa. Sebanyak 0.9% responden telah dikenal pasti membuat pembelian bahan-bahan daripada lain-lain sumber.



Carta 3.50 : Tempat membeli bahan bacaan


Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 72,788 maklum balas

3.7.10. Pilihan Tempat Membaca

Rumah/penginapan/kediaman adalah tempat paling utama responden membaca di mana ianya mewakili sebanyak 77.9% daripada jumlah responden. Ini diikuti dengan pejabat/tempat kerja menjadi pilihan kepada sebanyak 33.4% responden dan akhir sekali perpustakaan sebanyak 30.2%. Manakala pusat sumber sekolah menjadi pilihan hanya sebanyak 14.1% dalam kalangan responden.



Carta 3.51 : Pilihan tempat membaca

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 72,788 maklum balas

3.7.11. Pilihan Tempat Membaca Mengikut Kawasan

Tempat Selalu Membaca	Bandar %	Luar Bandar %
Rumah/Penginapan/Kediaman	80.60%	72.20%
Pejabat/tempat kerja	35.20%	29.80%
Dalam kenderaan	31.10%	25.70%
Perpustakaan	28.20%	34.50%
Kafe dan gerai makan	25.50%	22.40%
Bilik kuliah/kelas	18.10%	18.30%
Tempat riadah dan rekreasi	18.10%	16.70%
Pusat sumber sekolah	13.80%	14.50%
Masjid dan tempat-tempat ibadat	11.30%	11.40%
Balai raya/Pusat komuniti	2.50%	2.10%
Lain-lain	1.40%	1.20%

Jadual 3.12 : Pilihan tempat membaca mengikut kawasan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 72,788 maklum balas

Tidak banyak perbezaan ditunjukkan mengikut kawasan. Didapati rumah/Penginapan/Kediaman masih menjadi pilihan utama responden iaitu di kawasan bandar iaitu sebanyak 80.6% manakala kawasan luar bandar adalah sebanyak 72.2% 35.2% pula adalah di pejabat/tempat kerja bagi responden bandar dan 29.8% adalah responden luar bandar. Sebanyak 31.1% dikalangan responden di kawasan bandar memilih untuk membaca di dalam kenderaan, manakala 34.5% responden kawasan luar bandar memilih perpustakaan sebagai tempat untuk membaca.

3.8. Isu-Isu, Masalah dan Korelasi di Antara Industri Perbukuan Dengan Minat Membaca Rakyat Malaysia

3.8.1. Isu-Isu dan Masalah Berkaitan Minat Membaca Rakyat Malaysia

Berdasarkan analisis, kajian ini telah mengenal pasti isu dan masalah rakyat Malaysia tidak minat membaca. Antara isu dan masalah utama adalah seperti yang dipaparkan pada Jadual 3.13.

Data yang dianalisis menunjukkan antara isu dan masalah dengan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Taburan data menunjukkan isu dan masalah seperti lebih berminat kepada aktiviti-aktiviti lain (6.3%), kurang masa lapang (2.9%) dan kurang minat membaca (2.8%) yang boleh menjejaskan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Dengan kata lain, isu dan masalah ini akan menjadi faktor kepada rakyat Malaysia untuk tidak membaca. Sekiranya isu ini diatasi masalah membaca pasti dapat diatasi.

Isu dan Masalah Rakyat Malaysia Tidak Minat Membaca	Jumlah	
	n=	%
a) Lebih berminat kepada aktiviti lain	6,304	6.3
b) Kurang masa lapang	2,927	2.9
c) Kurang minat untuk membaca	2,792	2.8
d) Bebanan kerja/kerja sekolah	2,048	2.0
e) Membaca bukan gaya hidup saya	1,413	1.4
f) Ciri-ciri bahan bacaan tidak menarik (contoh; topik, ilustrasi dll.)	819	0.8
g) Masalah kesihatan	776	0.9
h) Masalah penglihatan	776	0.8
i) Tidak boleh membaca dengan baik	733	0.7
j) Tiada tempat yang selesa untuk membaca	669	0.7
k) Kurang galakan untuk membaca	629	0.6
l) Akses kepada bahan bacaan terhad	580	0.6
m) Kos bahan bacaan mahal	501	0.5
n) Bahan bacaan tidak sesuai dengan keperluan	414	0.4
o) Lain-lain	411	0.4
p) Terasa membuang masa	290	0.3

Jadual 3.13 : Isu dan masalah berkaitan rakyat Malaysia tidak minat membaca

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 22,082 maklum balas

3.8.2. Isu-Isu Dan Masalah Rakyat Malaysia Tidak Membeli Bahan Bacaan

Kajian ini juga telah menjalankan analisis bagi mengenal pasti faktor mengapa rakyat Malaysia tidak membeli bahan bacaan mengikut keutamaan berikut :

Isu-isu Rakyat Malaysia Tidak Membeli Bahan Bacaan	Jumlah	
	n=	%
a) Maklumat daripada internet lebih terkini	12,568	12.5
b) Banyak pilihan bahan bacaan percuma	10,790	10.7
c) Menggunakan perkhidmatan perpustakaan	9,163	9.1
d) Mengutamakan keperluan asas	8,797	8.7
e) Kekangan Kewangan	8,001	7.9
f) Harga bahan bacaan	5,362	5.3
g) Tidak minat untuk membeli bahan bacaan	4,804	4.8
h) Lokasi kedai buku jauh dari rumah	2,697	2.7
i) Kurang promosi	2,079	2.1
j) Kurang insentif	1,487	1.5
k) Bahan bacaan elektronik/digital sukar digunakan	1,383	1.4
l) Bahan bacaan tiada dipasaran/ ketiadaan stok	1,063	1.1
m) Tidak menemui bahan bacaan dalam talian dan ulasan	1,056	1.0
n) Kebanyakan bahan bacaan dijual tidak berada dalam senarai buku terlaris	1,026	1.0
o) Kurang bahan bacaan dalam bahasa yang diperlukan	903	0.9
p) Lain-lain	733	0.7

Jadual 3.14 : Isu dan masalah berkaitan rakyat Malaysia tidak membeli bahan bacaan

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 71,912 maklum bala

3.8.3. Korelasi di Antara Industri Perbukuan Dengan Minat Membaca Rakyat Malaysia

Kajian ini menjalankan analisis korelasi bagi melihat perhubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Analisis yang dijalankan adalah ujian korelasi *Kendall tau b* kerana taburan data menunjukkan ianya normal kepada kesemua pemboleh ubah. Analisis ini adalah untuk melihat hubungan di antara tiap-tiap pemboleh ubah bersandar (*Dependent Variable*) dengan pemboleh ubah tidak bersandar (*Independent Variable*). Dalam jadual korelasi terpapar *Kendall tau b*, pekali korelasi (*Correlation Coefficient*). Alias Baba (1992) mencadangkan anggaran kekuatan hubungan 2 (dua) pemboleh ubah diukur dengan petunjuk berikut :

$\pm 0.01 - \pm 0.20$ Sangat Lemah

$\pm 0.21 - \pm 0.40$ Lemah

$\pm 0.41 - \pm 0.60$ Sederhana

$\pm 0.61 - \pm 0.80$ Kuat

$\pm 0.81 - \pm 1.00$ Sangat Kuat

a) Korelasi antara pembelian bahan bacaan dengan minat membaca

Ujian Kendall's tau b		Adakah anda membeli bahan-bahan bacaan?
Membaca dalam tempoh 12 bulan yang lepas	Pekali korelasi	.438**
	Sig. (2-tailed)	.000
	n	100,848

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Jadual 3.15 : Korelasi antara pembelian bahan bacaan dengan minat membaca

Nota :

Hasil peratusan mungkin berbeza kerana pembundaran.

Data berdasarkan sebanyak 100,848 maklum balas

